AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PELITA BRUNEI

قليتا برونى

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

70 TAHUN 1956-2026

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"TIADALAH Allah akan menyeksa kamu sekiranya kamu bersyukur dan beriman. Dan Allah adalah sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya lagi Maha Mengetahui (orang-orang yang bersyukur kepada-Nya)".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah An-Nisa, ayat 147.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.37 | SUBUH 4.47 | SYURUK 6.05 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.06 | ASAR 3.24 | MAGHRIB 6.05 | ISYAK 7.15

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 126 | 21 OKTOBER 2026 / 1448 جمادي الأول 10 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENGURNIAKAN SURAT WATIKAH PELANTIKAN, MENERIMA SURAT TAULIAH PELANTIKAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (*Lihat muka 3 hingga 6*)

Melestarikan kecemerlangan bacaan Al-Quran melalui bimbingan, sokongan

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya

GADONG, Selasa, 20 Oktober. - Kejayaan wakil qariah Negara Brunei Darussalam, Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki, meraih tempat ketiga dalam Kategori Tilawah Perempuan pada Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali Ke-66 Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi di Kuala Lumpur, Malaysia, diraikan pada Majlis Penyampaian Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Quran yang berlangsung di Presidential Lounge, Tingkat 8, Rizqun International Hotel, Gadong di sini.

Dayangku Siti Ummi Syazana memperoleh markah sebanyak 90.83 peratus dalam pertandingan yang berlangsung pada 6 hingga 9 Oktober 2026, sekali gus mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

>> Muka 7

AI : Alat mempertingkatkan kecekapan, potensi diri, bukan pengganti kemahiran

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BERAKAS, Selasa, 20 Oktober. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh berucap melihat ke arah masa depan, kita tidak dapat menafikan bahawa Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI), automasi dan teknologi digital semakin mempengaruhi cara kita belajar, bekerja dan menyelesaikan pelbagai urusan.

AI, tambah Yang Berhormat, sememangnya merupakan teknologi yang berkeupayaan besar. Seiring dengan keupayaan ini, AI perlu dimanfaatkan dalam pembelajaran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi memastikan para graduan terus berdaya saing dan mampu memenuhi keperluan industri yang sentiasa berkembang.

>> Muka 8

APAGM perkukuh penyelarasan, kerjasama perundangan ASEAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

JERUDONG, Selasa, 20 Oktober. - Keperluan bagi platform seperti Mesyuarat Para Pendakwa Raya / Peguam Negara ASEAN (APAGM) semakin penting berikutan peningkatan jenayah rentas sempadan dari segi skala, kepantasan dan kerumitannya.

Jenayah seperti pemerdagangan orang, perdagangan dadah haram, pengubahan wang haram, penipuan dalam talian serta jenayah lain yang didorong oleh teknologi tidak mengenal sempadan dan tidak dapat ditangani secara berkesan oleh sesebuah perkhidmatan pendakwaan secara bersendirian.

>> Muka 10

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

Berita Utama



PERKUKUH keupayaan masyarakat mengenal pasti maklumat Islam sahih

Muka 11



NBD teroka peluang kerjasama bagi memperkasa keupayaan STI

Muka 12



SOKONGAN, sikap memahami langkah penting memelihara kesihatan mental

Muka 18



BIMBING anak disleksia dengan kaedah yang betul

Muka 21

PELITA BRUNEI

Keselamatan maritim kukuh keyakinan pelabur, pacu pertumbuhan ekonomi



MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos semasa berucap pada Majlis Sempena Minggu Maritim Negara Brunei Darussalam 2026 pada Khamis, 6 Ogos 2026 yang berlangsung di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh :
Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil Alameen Wassalatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Ambiae Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihie Wasahbihie Ajma'een. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Pagi.

SAYA sukacita menyertai awda semua di Minggu Maritim Negara Brunei Darussalam (BDMW). Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada MPABD, bersama-sama dengan Jawatankuasa Penganjur serta semua penaja, pempamer dan rakan kongsi kerana menjayakan acara penting ini.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO), Arsenio Dominguez atas mesej video inspirasi beliau yang akan kita dengar nanti.

Sambutan istimewa ditujukan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Antarabangsa bagi Bantuan Marin untuk Navigasi (IALA), Francis Zachariae. Akses Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai Negara Anggota IALA Ke-46 awal tahun ini menandakan satu peristiwa penting bagi sektor maritim kita. Ia memberi kita peranan penting dalam membentuk piawaian antarabangsa untuk navigasi marin dan mengukuhkan komitmen kita terhadap laut yang lebih selamat. Kehadiran awda hari ini menjadikan majlis ini amat bermakna.

Di Dermaga Diraja, warisan maritim Brunei memenuhi masa depannya. Selama berabad-abad, perairan kita menghubungkan kita dengan perdagangan, perniagaan dan budaya serantau. Laut tidak pernah menjadi sempadan bagi NBD. Ia sentiasa menjadi laluan kita : untuk perdagangan, kejaminan makanan, tenaga dan kesalinghubungan antarabangsa. Hari ini, laluan tersebut lebih penting daripada sebelumnya.

Namun persekitaran operasi menjadi jauh lebih kompleks. Rantaian bekalan global terus menghadapi ketidakpastian geopolitik, gangguan berkaitan iklim dan peningkatan kos operasi. Menurut Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, perdagangan laut global hanya berkembang sebanyak 0.5 peratus pada 2025. Ia adalah peringatan tepat pada masanya bahawa kesalinghubungan maritim tidak boleh dipandang remeh.

Bagi NBD, pembangunan maritim bukan sekadar keutamaan sektor. Ia adalah asas kepada daya saing ekonomi kita, daya tahan negara, penjagaan alam sekitar dan pencapaian Wawasan Brunei 2035. Itulah sebabnya tema tahun ini tepat pada masanya dan relevan : 'Powering Maritime Excellence: Safe Seas, Thriving Economy, Future-Ready People'. Ini bukan tiga cita-cita yang berasingan. Ini adalah satu rantaian kejayaan yang berterusan. Laut yang selamat mewujudkan keyakinan. Keyakinan menarik pelaburan. Pelaburan mewujudkan peluang untuk kakitangan kita.

Keselamatan, sekuriti dan perlindungan alam sekitar bukanlah kewajipan yang bersaing dengan pertumbuhan ekonomi. Mereka adalah asas yang bergantung kepada pertumbuhan maritim yang mampan. Untuk menterjemahkan komitmen ini kepada tindakan, izinkan saya menekankan dua keutamaan utama.

Pertama, keahlian kita dalam IALA. Menyertai IALA merupakan peristiwa penting, tetapi keahlian sahaja bukanlah destinasi. Nilai sebenar terletak pada cara kita menggunakan piawaian antarabangsa untuk mengukuhkan keupayaan maritim kita. Ini bermakna meningkatkan bantuan kita untuk navigasi, memodenkan Perkhidmatan Trafik Kapal, mengukuhkan kecekapan teknikal dan meluaskan kerjasama dengan rakan kongsi serantau untuk memastikan perairan kami kekal selamat, cekap dan berdaya tahan.

Kedua, ruang yang ditetapkan Ship-to-Ship dan Lay-Up atau SLDA. Awal tahun ini, MPABD menjalankan latihan kesediaan operasi bersepadu dengan Pelan Kontingensi Tumpahan Minyak Kebangsaan (National Oil Spill Contingency Plan). Latihan ini menguji prosedur kecemasan, komunikasi dan penyelarasan antara agensi sebelum operasi komersial dimulakan. Ini mencerminkan pendekatan berterusan yang mesti terus kita ambil.

Setiap peluang maritim baharu mesti disokong oleh pengurusan risiko yang baik, kesediaan alam sekitar dan akauntabiliti yang jelas. Kemajuan ekonomi dan tanggungjawab alam sekitar mesti maju bersama. Apa yang perlu kita lakukan ialah memastikan pelabuhan, peraturan, piawaian keselamatan, infrastruktur dan tenaga kerja kita bersedia untuk mana-mana teknologi yang muncul. Kesediaan hari ini akan menentukan daya saing kita esok.

NBD membuat pelaburan yang besar dalam infrastruktur maritimnya. Pembesaran Pelabuhan Muara kekal di landasan untuk disiapkan pada suku ketiga 2027. Setelah siap, projek itu akan menggandakan kapasiti pengendalian kontena tahunan pelabuhan, mengukuhkan kesalinghubungan perdagangan NBD dan menyokong pertumbuhan ekonomi masa depan. Di samping itu, pembangunan Zon Perdagangan Pelabuhan akan mewujudkan peluang baharu untuk perkhidmatan logistik, pembuatan dan nilai tambah.

Walau bagaimanapun, infrastruktur sahaja tidak menjana nilai ekonomi. Nilai sebenar datang daripada jumlah kargo yang lebih besar, perkhidmatan perkapalan yang lebih dipercayai, peraturan yang cekap dan perniagaan maritim yang kompetitif.

>> Muka 13

WAKTU SEMBAHYANG

OKTOBER MASIHI	HARI	JAMADILAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
21	RABU	10	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15
22	KHAMIS	11	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
23	JUMAAT	12	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
24	SABTU	13	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
25	AHAD	14	4.37	4.47	6.05	6.28	12.05	3.24	6.04	7.14
26	ISNIN	15	4.37	4.47	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14
27	SELASA	16	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.03	7.14

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan	31 25 °C	32 25 °C	31 25 °C
Pekan Bangar	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
Pekan Tutong	31 25 °C	32 25 °C	30 25 °C
Kuala Belait	31 24 °C	32 24 °C	30 25 °C

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 21 OKTOBER 2026

Utamakan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan

MENYEBUT mengenai kesihatan, kita melazimkan diri dengan menjaga kesihatan fizikal melalui pemakanan yang seimbang, senaman yang konsisten, tidur yang mencukupi dan melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala. Dengan adanya aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan secara konsisten, ia menjadi kita sentiasa cergas. Akan tetapi beberapa kesihatan dalaman seperti kesihatan mental, ia memerlukan beberapa elemen penting seperti Pengurusan Tekanan : Mengamalkan teknik pernafasan dalam, kesedaran minda (*mindfulness*) dan rehat yang mencukupi daripada skrin digital, Hubungan Sosial : Meluangkan masa dengan keluarga, rakan-rakan yang menyokong atau menyertai aktiviti komuniti untuk mengelakkan rasa terpinggir. Aspek Kerohanian : Melakukan amalan keagamaan, bermeditasi atau mendekatkan diri kepada Allah bagi mendapat ketenangan jiwa dan Bantuan Profesional : Mendapatkan khidmat kaunselor, pakar psikologi atau doktor sekiranya tekanan emosi menjejaskan kehidupan harian.

Manakala bagi keselamatan pula, sentiasa peka terhadap risiko di sekeliling kita, patuhi peraturan keselamatan (seperti di tempat kerja atau di jalan raya) dan pastikan persekitaran fizikal bebas daripada bahaya bagi mengelakkan kecederaan atau kemalangan. Keselamatan kita juga perlu dijaga sebelum, semasa berada di luar negara. Sentiasa peka dengan keadaan negara yang akan dikunjungi. Kepekaan terhadap keselamatan geopolitik semasa adalah perkara kritikal kerana pergolakan antarabangsa kini membawa kesan domino yang tidak lagi terhad kepada sempadan fizikal sesebuah negara. Malah, impak ketegangan ini sering kali muncul secara senyap di dalam kehidupan harian rakyat seperti kenaikan kos sara hidup, gangguan rantaian bekalan makanan dan ketidaktentuan pasaran tenaga.

Kesejahteraan kehidupan merujuk kepada kualiti hidup yang baik, merangkumi aspek luaran (objektif) serta kepuasan dalaman (subjektif) yang dialami oleh seseorang individu. Kesejahteraan Objektif : Keperluan asas yang dapat dilihat dan dicapai secara fizikal seperti pendapatan yang stabil, perumahan yang selesa, tahap kesihatan yang baik, dan akses kepada pendidikan. Kesejahteraan Subjektif : Perasaan gembira, kepuasan hidup, rasa bersyukur serta ketenangan emosi yang dirasai oleh seseorang terhadap perjalanan hidupnya. Kesejahteraan Psikologi dan Rohani : Kestabilan mental, emosi yang positif, tujuan hidup yang jelas, serta ketenteraman jiwa.

Imbangi aspek mental dan emosi dengan menguruskan tekanan (stres) secara bijak, mengekalkan hubungan sosial yang positif serta memastikan keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan peribadi (*work-life balance*). Mencegah adalah sentiasa lebih baik daripada mengubat. Sentiasa jadikan tiga elemen ini sebagai panduan utama sebelum membuat sebarang keputusan atau tindakan. Sekian Sidang Pengarang buat keluaran kali ini. **- Ketua Penyuntingan (Fa)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن فنراغن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سندیرين برحد، نكارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Kebawah DYMM berkenan mengurniakan Surat Watikah Pelantikan, menerima Surat Tauliah Pelantikan





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang baru dilantik dan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing ke NBD yang baharu. Berangkat sama ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (kanan). Manakala gambar kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Dato Seri Paduka Awang Haji Hisham bin Haji Mohd. Hanifah.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang baru dilantik dan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing ke NBD yang baharu.

Berangkat sama ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Dato Seri Paduka Awang Haji Hisham bin Haji Mohd. Hanifah dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Perancis, Tuan Yang Terutama Sheikh Abdul Mahdani bin Dato Paduka Sheikh Haji Abdul Gani.

Baginda seterusnya berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing yang menetap ke NBD, iaitu Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Tuan Yang Terutama Chen Shaochun; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke NBD, Puan Yang Terutama Do Thuy Duong; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Kesatuan Myanmar ke NBD, Tuan Yang Terutama Soe Thet Naung dan Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD, Puan Yang Terutama Melanie Barlow.

>> Muka 4





KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua Perwakilan Asing yang menetap ke NBD, iaitu Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Tuan Yang Terutama Chen Shaochun (kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Perancis, Tuan Yang Terutama Sheikh Abdul Mahdani bin Dato Paduka Sheikh Haji Abdul Gani (atas). Manakala gambar kanan dan kanan sekali, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing yang menetap ke NBD, iaitu Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke NBD, Puan Yang Terutama Do Thuy Duong dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Kesatuan Myanmar ke NBD, Tuan Yang Terutama Soe Thet Naung.









KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua Perwakilan Asing yang menetap ke NBD, iaitu Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD, Puan Yang Terutama Melanie Barlow dan seterusnya berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD, iaitu Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Paraguay ke NBD, Tuan Yang Terutama Mario Masuyuki Toyotoshi (kiri sekali dan kiri).

PELITA BRUNEI





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD, iaitu Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Tunisia ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohamed Trabelsi dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Bulgaria ke NBD, Puan Yang Terutama Tanya Dimitrova (kiri sekali dan kiri).

>> Muka 3

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada 20 Ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD, iaitu Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Paraguay ke NBD, Tuan Yang Terutama Mario Masuyuki Toyotoshi; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Tunisia ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohamed Trabelsi; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Bulgaria ke NBD, Puan Yang Terutama Tanya Dimitrova; Pesuruhjaya Tinggi Republik Cuba ke NBD, Puan Yang Terutama Yadira Ledesma Hernandez; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Algeria ke NBD, Tuan Yang Terutama Abdelouahab Osmane.

>> Muka 5





KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD, iaitu Pesuruhjaya Tinggi Republik Cuba ke NBD, Puan Yang Terutama Yadira Ledesma Hernandez dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Algeria ke NBD, Tuan Yang Terutama Abdelouahab Osmane (kanan dan kanan sekali).





KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD dari Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Arab Mesir ke NBD, Tuan Yang Terutama Karim Mohamed Elsadat Abdelkarim Abdelkhalek dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Uzbekistan ke NBD, Tuan Yang Terutama Dr. Karomidin Gadoev (kiri sekali dan kiri).





KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD iaitu Pesuruhjaya Tinggi Republik Maldives ke NBD, Puan Yang Terutama Dr. Mariyam Shabeena Ahmed dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Brazil ke NBD, Puan Yang Terutama Daniella Ortega de Paiva Menezes (kanan dan kanan sekali).





KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD iaitu Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Hasyimiyah Jordan ke NBD, Tuan Yang Terutama Sudqi Al-Omoush dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Angola ke NBD, Tuan Yang Terutama Floréncio de Conceição e Almeida (kiri sekali dan kiri).





KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD, iaitu Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Georgia ke NBD, Tuan Yang Terutama Irakli Asashvili dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Austria ke NBD, Tuan Yang Terutama Gerhard Eisl (kiri sekali dan kiri).



KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD, iaitu Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Niger ke NBD, Tuan Yang Terutama Zada Seidou dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Armenia ke NBD, Tuan Yang Terutama Serob Bejanyan (atas dan bawah).

>> Muka 4

Seterusnya Kebawah DYMM berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD dari Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Arab Mesir ke NBD, Tuan Yang Terutama Karim Mohamed Elsadat Abdelkarim Abdelkhalek; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Uzbekistan ke NBD, Tuan Yang Terutama Dr. Karomidin Gadoev; Pesuruhjaya Tinggi Republik Maldives ke NBD, Puan Yang Terutama Dr. Mariyam Shabeena Ahmed; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Brazil ke NBD, Puan Yang Terutama Daniella Ortega de Paiva Menezes; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Hasyimiyah Jordan ke NBD, Tuan Yang Terutama Sudqi Al-Omoush.

Turut menyerahkan Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Angola ke NBD, Tuan Yang Terutama Floréncio de Conceição e Almeida; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Georgia ke NBD, Tuan Yang Terutama Irakli Asashvili; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Austria ke NBD, Tuan Yang Terutama Gerhard Eisl; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Niger ke NBD, Tuan Yang Terutama Zada Seidou; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Armenia ke NBD, Tuan Yang Terutama Serob Bejanyan; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Panama ke NBD, Tuan Yang Terutama Sebastián Breton Pérez; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Serbia ke NBD, Puan Yang Terutama Ivana Golubović-Duboka; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Norway ke NBD, Puan Yang Terutama Marianne Fosland; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Czech ke NBD, Tuan Yang Terutama Petr Kopřiva; dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Rwanda ke NBD, Tuan Yang Terutama Innocent Bagamba Muhizi.

Sejurus selesai majlis-majlis berkenaan, Kebawah DYMM kemudian berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan NBD yang baru dilantik dan Ketua-ketua Perwakilan Asing ke NBD yang baharu.

>> Muka 6



KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD, iaitu Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Panama ke NBD, Tuan Yang Terutama Sebastián Breton Pérez (kiri).





KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD, iaitu Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Serbia ke NBD, Puan Yang Terutama Ivana Golubović-Duboka dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Norway ke NBD, Puan Yang Terutama Marianne Fosland (kanan dan kanan sekali).





KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD, iaitu Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Czech ke NBD, Tuan Yang Terutama Petr Kopřiva; dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Rwanda ke NBD, Tuan Yang Terutama Innocent Bagamba Muhizi (kiri sekali dan kiri).

PELITA BRUNEI



KEBAWAH DYMM dan paduka anakanda baginda dijunjung bergambar ramai bersama Ketua-ketua Perwakilan Asing yang tidak menetap ke NBD.

>> Muka 5

Turut hadir pada majlis-majlis berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah DYMM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Awang Haji Muhammad Fakhri bin Haji Mohd. Taib; dan Pemangku Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali, selaku Pemangku Grand Chamberlain.

Majlis berkenaan berlangsung di Istana Nurul Iman.







KEBAWAH DYMM berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan NBD yang baru dilantik (atas). Manakala gambar bawah, atas kanan, kanan dan bawah kanan, baginda berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan.





ISTIADAT MEMBUKA NAUBAT SEMPURNA DILAKSANAKAN

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Oktober. - Penutupan Naubat selama 14 hari sejak 6 Oktober lalu berikutan kemangkatan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam kini sempurna dibuka semula.

Majlis Istiadat Membuka Naubat berlangsung di Lapau di ibu negara, di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong selaku Kepala Majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan Tahlil yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, yang juga membacakan Doa Tahlil.

MAJLIS Istiadat Membuka Naubat berlangsung di Lapau, di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong selaku Kepala Majlis.

Manakala bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dikepalai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar. Sejurus memasuki waktu Maghrib, azan dikumandangkan oleh Begawan Mudim Awang Haji Amran bin Haji Md. Salleh.

Majlis kemudian disusuli dengan





Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim.

Mengadap dan menyembahkan kepada Kepala Majlis bagi memulakan dan kemudiannya untuk menutup majlis, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud.

BACAAN Tahlil dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Al-Marhumah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah mangkat pada Selasa, 24 Rabiulakhir 1448 Hijrah bersamaan 6 Oktober 2026 Masihi, pukul 5.43 petang pada usia 74 tahun.

Al-Marhumah YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah merupakan adinda kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Al-Marhumah YTM telah berkahwin dengan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien pada 9 Julai 1970 dan dikurniakan dengan 10 orang anak.

Juga berangkat pada istiadat tersebut ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Omar Ali.

Berangkat dan hadir pada majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis-majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri, Manteri-manteri Hulubalang dan Manteri-manteri Pedalaman dan para jemputan khas.

Melestarikan kecemerlangan bacaan Al-Quran melalui bimbingan, sokongan



Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Awang Mohammad Hashim bin Haji Abdullah, Hakim Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali Ke-66 Tahun 1448H / 2026M di Kuala Lumpur, Malaysia.

Dalam ucapan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan bahawa Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Quran merupakan antara inisiatif kementerian untuk memberikan galakan dan sokongan kepada qari dan qariah negara dalam meningkatkan mutu bacaan serta membuat persediaan menghadapi pertandingan, khususnya di peringkat antarabangsa.

Menurut Yang Berhormat, skim yang diperkenalkan pada tahun 1990 itu menjadi salah satu wadah dalam mempersiapkan wakil negara menghadapi musabaqah antarabangsa, di samping usaha para qari dan qariah mendapatkan bimbingan daripada guru-guru Al-Quran di dalam dan luar negara.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Quran kepada Dayangku Siti Ummi Syazana sebagai pengiktirafan atas kejayaan beliau dalam pertandingan berkenaan (atas dan kiri), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Yang Berhormat turut menekankan kepentingan meneruskan usaha membimbing dan menggilap bakat sejak kecil agar mereka mampu mencapai tahap penguasaan yang tinggi, mewakili negara serta membimbing generasi seterusnya. Kesinambungan usaha berkenaan diharap dapat melahirkan barisan qari dan qariah yang lebih mantap, di samping menyuburkan penghayatan Al-Quran dalam masyarakat.

Acara diteruskan dengan persembahan bacaan Al-Quran oleh Dayangku Siti Ummi Syazana, diikuti tayangan video.

Majlis diakhiri dengan penyampaian Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Quran yang disampaikan oleh tetamu kehormat kepada Dayangku Siti Ummi Syazana sebagai pengiktirafan atas kejayaan beliau dalam pertandingan berkenaan.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad; Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; ketua-ketua jabatan; hakim-hakim Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H / 2026M; Pegawai-pegawai Kanan KHEU serta keluarga qariah.



AI : ALAT MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN, POTENSI DIRI, BUKAN PENGGANTI KEMAHIRAN

>> Muka 1

"Namun, dalam kita memanfaatkan kemajuan teknologi, kita perlu memastikan penggunaannya tidak menghakis keupayaan diri. Renungkan - sejauh mana kita memanfaatkannya untuk berkembang, dan sejauh mana pula kita mula bergantung kepadanya. Kita perlu berhati-hati supaya kemudahan tidak bertukar menjadi kebergantungan.

"Kita tidak boleh membiarkan kemudahan teknologi melemahkan keupayaan diri. Kemahiran yang tidak diasah akan semakin tumpul, manakala pemikiran yang tidak dilatih boleh menyebabkan kita menjadi terlalu bergantung kepada bantuan luar," ujar Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kali Ke-34 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pagi tadi.

Oleh itu, jelas Yang Berhormat, gunakanlah AI sebagai alat untuk mempertingkatkan kecekapan dan potensi diri, bukan sebagai pengganti kepada kemahiran, pengetahuan dan pertimbangan manusia yang mana semua ini perlu dibina dan dibentuk melalui pembelajaran dan pengalaman sendiri.

Kongsi Yang Berhormat, TVET memberikan pengalaman pembelajaran yang praktikal dan berorientasikan industri. Di bengkel, makmal, kelas dan tempat latihan, para pelajar belajar melalui pengalaman sebenar - mencuba, membuat kesilapan, membuat pembetulan dan mencuba lagi. Proses inilah yang membantu membina kemahiran dan keyakinan.

Teknologi mungkin boleh memberikan cadangan, tetapi pengalaman yang banyak mengajar untuk membuat sesuatu pertimbangan dengan baik jelas Yang Berhormat lagi. Oleh yang

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

demikian, terang Yang Berhormat lagi, dalam dunia yang semakin dipengaruhi AI, kemahiran manusia menjadi semakin penting dan bernilai.

"Kita memerlukan tenaga kerja yang bukan sahaja celik teknologi tetapi mempunyai asas teknikal yang kukuh, mampu berfikir secara kritikal, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dengan penuh tanggungjawab," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menyeru para graduan untuk beringat bahawa mereka bukan sekadar bakal tenaga kerja tetapi juga merupakan generasi yang akan mencorak masa depan negara.

Perkara ini, ujar Yang Berhormat, adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-21, Tahun 2026, yang menekankan bahawa, 'belia adalah merupakan pewaris masa depan dalam semua bidang, khasnya bidang ilmu dan kemahiran. Bidang ini amat mencabar, tetapi golongan belia mampu untuk menanainya, bahkan sekali gus menjadi pencorak masa depan negara'.

Baginda, jelas Yang Berhormat, turut menekankan kepentingan belia untuk bukan sahaja merebut peluang yang ada, malah menjadi pengguna teknologi dan pemacu ekonomi progresif yang berdaya tahan.

"Titah ini membawa satu pesanan yang amat bermakna kepada para graduan. Dalam menghadapi perubahan teknologi dan dunia pekerjaan, awda bukan sahaja perlu bersedia menyesuaikan diri, tetapi juga



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa berucap pada majlis berkenaan.

berani merebut peluang, mengembangkan kemahiran dan menyumbang kepada kemajuan negara," ujar Yang Berhormat lagi.

Majlis Konvokesyen IBTE raikan 1,924 graduan



YANG Berhormat Menteri Pendidikan dan Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan menyampaikan sijil kepada para pelajar pada Majlis Konvokesyen IBTE Kali Ke-34 sesi pagi (atas dan bawah).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman,
Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Selasa, 20 Oktober. - Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bukan sahaja menyediakan kemahiran untuk memasuki alam pekerjaan, malah membuka ruang kepada generasi muda untuk mengembangkan potensi diri, mencetuskan idea serta menyumbang kepada industri dan masyarakat.

Oleh itu, nilai TVET tidak seharusnya diukur semata-mata melalui kelayakan yang diperoleh atau pekerjaan yang diceburi oleh para graduan. Sebaliknya, nilai sebenar turut terserlah melalui keupayaan mereka untuk mengaplikasikan ilmu dan kemahiran untuk menyelesaikan masalah, meningkatkan mutu kerja serta menghasilkan idea dan pendekatan baharu yang membawa manfaat kepada orang lain.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pemangku Pengarah Pendidikan Teknik, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Kementerian Pendidikan, Awang Haji Norjemee bin Jenek semasa Majlis Konvokesyen IBTE Kali Ke-34 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pagi tadi.

Menurut beliau, inilah antara perkara yang menjadikan pendidikan TVET begitu bermakna - ilmu dan kemahiran yang dipelajari bukan sekadar untuk dikuasai, tetapi untuk dimanfaatkan dalam situasi sebenar, selaras dengan keperluan industri, masyarakat dan pembangunan negara.

Kongsi beliau, IBTE melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkukuh pendidikan TVET, antaranya Inisiatif Solar yang memberikan pendedahan praktikal kepada para pelajar mengenai teknologi Solar Photovoltaic (Solar PV), termasuk asas sistem, pemasangan, pengendalian, keselamatan dan penyelenggaraan. Inisiatif tersebut turut membantu membangunkan kemahiran yang relevan dengan sektor tenaga serta menyokong penggunaan tenaga lestari.

Selain itu tambahnya, penganjuran



Action Research Showcase bertemakan 'Action Research in TVET : Industry-Relevant & Green Skills' menggalakkan penyelidikan dan inovasi yang memberikan tumpuan kepada keperluan industri, pembangunan mampan serta amalan pengajaran inovatif. Inisiatif berkenaan turut memperkukuh pendekatan pengajaran dan pembelajaran berasaskan bukti serta penerapan kemahiran hijau.

"Sementara itu, ISEED, platform pembelajaran elektronik yang mengintegrasikan pendidikan kemampanan dengan transformasi digital, memperluas peluang pembelajaran dalam bidang kemampanan, literasi digital, literasi Kecerdasan Buatan dan teknologi baharu bagi mempersiapkan para pelajar menghadapi perkembangan teknologi serta keperluan masa hadapan," jelas beliau.

IBTE meraikan seramai 1,924 graduan sempena Majlis Konvokesyen Kali Ke-34 yang diadakan dalam dua sesi, iaitu sesi pagi melibatkan 1,099 graduan dan manakala bagi sesi petang seramai 825 graduan.

Majlis berkenaan mengiktiraf pencapaian para pelajar yang menamatkan program TVET masing-masing. Para graduan terdiri daripada enam kategori kelayakan, iaitu Sijil Akademi TVET, Level 5 Diploma, Higher National Technical Certificate (HNTec), National Technical Certificate (NTec), Industrial Skills Qualification (ISQ) dan Level II Apprenticeship.

Hadir pada sesi pagi ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Antara anugerah yang disampaikan pada sesi pagi ialah Best Teacher TVET Trainee Award, Academic Excellence Award, STARS Excellence Award dan Chinese Ambassador Award.

Manakala hadir selaku tetamu kehormat pada sesi petang ialah Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab dan Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.

Majlis tersebut turut menyaksikan penyampaian sijil kepada para graduan daripada pelbagai sekolah dan program di IBTE serta penyampaian anugerah khas bagi mengiktiraf pencapaian cemerlang dan kecemerlangan akademik.

Daripada jumlah 825 graduan yang menerima sijil pada sebelah petang, seramai 749 pelajar menerima Sijil Kebangsaan Pendidikan Teknikal (NTec), manakala 63 graduan menerima Sijil Kelayakan Kemahiran Perindustrian (ISQ) dan 13 graduan menerima Sijil Perantisan Tahap II.

Selain penyampaian sijil, sesi petang turut menyaksikan penyampaian Academic Excellence Award dan STARS Excellence Award bagi mengiktiraf pencapaian cemerlang graduan.

Majlis Konvokesyen IBTE Kali Ke-34 merupakan pencapaian penting bagi para graduan untuk melangkah ke fasa seterusnya, sama ada dalam bidang pekerjaan, pembangunan profesional mahupun pembelajaran sepanjang hayat.

Kejayaan mereka turut mencerminkan peranan penting TVET dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran dan berkompetensi bagi menyumbang kepada pembangunan tenaga kerja serta kemajuan Negara Brunei Darussalam.





YANG Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri dan Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan menyampaikan sijil kepada para pelajar bagi sesi petang (atas sekali dan atas).

Pengurusan Mayat Yang Tidak Dapat Dimandikan

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

APABILA berlaku kematian, antara kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh umat Islam terhadap mayat orang Islam ialah memandikannya, kecuali bagi mereka yang meninggal dunia sebagai syahid. Hukum memandikan mayat adalah fardhu kifayah, begitu juga dengan mengapankan, menyembahyangkan, mengusung dan mengebumikannya. Jika sebahagian umat Islam telah melaksanakan kewajipan tersebut, maka gugurlah tuntutannya daripada yang lain. Asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitab Mughni al-Muhtaj, katanya :

Ertinya : *Dan memandikannya iaitu mayat dan mengapankannya, menyembahyangkannya, mengusungnya dan mengebumikannya (adalah) fardhu kifayah berdasarkan ijma'.*

Sunat menyegerakan mandi ke atas mayat setelah diyakini kematiannya, sebagai penghormatan kepada orang yang meninggal dunia. Walau bagaimanapun hukum menyegerakan mandinya itu menjadi wajib jika ditakuti dengan melambatkan urusan memandikan akan menyebabkan mayat tersebut berubah sebagaimana disebut oleh as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam kitabnya Hasyiyah I'anah ath-Thalibin, katanya :

Ertinya : *Dan hendaklah segera dimandikan mayat iaitu sunat (disegerakan mandi) jika tidak ditakuti dengan melengah-lengahkan mandi (perut) mayat akan pecah. Jika sebaliknya (ditakuti perut mayat akan pecah), maka adalah wajib (menyegerakannya) sebagaimana yang zahir (daripada perkataan para ulama Syafi'iyyah). Yang demikian itu kerana adanya perintah Baginda Shallallahu 'alaihi wasallam pada menyegerakan (urusan) mayat.*

Dalam keadaan tertentu, adakalanya mayat itu tidak dapat dimandikan atas sebab-sebab keuzuran. Kewajipan memandikan mayat boleh gugur dan digantikan dengan tayammum apabila berlaku sebab yang menghalang mayat tersebut untuk dimandikan. Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitab Minhaj ath-Thalibin menyebut :

Ertinya : *Dan sesiapa (mayat) yang (terdapat) keuzuran (untuk) memandikannya (maka wajib) ditayammumkan.*

Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam mensyarahkan maksud nash di atas dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj menyebut :

Ertinya : *Dan sesiapa (mayat) yang (terdapat) keuzuran (untuk) memandikannya kerana ketiadaan air atau kerana terbakar atau terkena sengatan umpamanya, sekiranya dimandikan (jasadnya akan) hancur atau (sekiranya dimandikan) ditakuti (memudharatkan) ke atas orang yang memandikan dan dia (orang yang memandikan) tidak dapat menjaga dirinya (dari kemudharatan itu), maka wajib ditayammumkan (mayat itu) sebagaimana orang yang hidup dan (tidak dimandikan) kerana menjaga jasad mayat supaya dikebumikan sebagaimana keadaannya.*

Ketika mengulas perkataan Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* mengenai خِيْفَ عَلَى الغَاسِل iaitu *ditakuti (memudharatkan) ke atas orang yang* memandikan, Imam asy-Syarwani *Rahimahullah* dalam Hasyiyahnya (ke atas kitab Tuhfah al-Muhtaj), telah menukil pendapat Imam al-Kurdi *Rahimahullah* yang menyebut :

Ertinya : *Atau ditakuti (memudharatkan) ke atas orang yang memandikan daripada terkena racun (daripada mayat yang dimandikan) kepada dirinya.*

Mengenai keadaan ketiadaan air yang mengharuskan mayat tidak wajib dimandikan sebagaimana perkataan Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* di atas, Imam asy-Syarwani *Rahimahullah* menyatakan bahawa pengecualian itu tidak termasuk dalam keadaan jika air yang ada hanya mencukupi untuk memandikan mayat sahaja atau untuk keperluan orang yang hidup bersuci sahaja. Beliau berkata :

Ertinya : *Dan tidak (dikira sebagai) ketiadaan air sekiranya air yang diperolehi hanya mencukupi untuk memandikan mayat sahaja atau untuk orang yang hidup bersuci (sahaja). Maka, (dalam keadaan ini) adalah wajib mendahulukan memandikan mayat kerana orang yang hidup boleh melakukan sembahyang mayat dengan bertayammum jika ada tanah atau ia dianggap (dalam keadaan) ketiadaan dua alat bersuci (air dan tanah). Berbeza halnya jika air itu digunakan oleh orang yang hidup untuk bersuci, maka yang demikian itu menyebabkan mayat dikebumikan tanpa disembahyangkan ke atasnya disebabkan keadaan mayat tidak suci, lebih-lebih lagi jika terdapat najis pada jasadnya.*

Berdasarkan penjelasan di atas, sekiranya terdapat keuzuran yang menghalang mayat untuk dimandikan seperti ketiadaan air untuk memandikan mayat atau mayat terbakar yang boleh hancur jasadnya jika terkena air, maka mayat tersebut tidak wajib dimandikan akan tetapi wajib ditayammumkan sahaja. Begitu juga wajib ditayammumkan sekiranya dengan memandikan mayat tersebut ditakuti mendatangkan mudharat kepada orang yang memandikannya seperti takut terkena racun (seperti kuman atau virus) daripada mayat yang dimandikan dan seumpamanya.

Adapun sekiranya jasad mayat terdapat luka-luka yang apabila dimandikan akan mempercepat kerosakan mayat selepas dikebumikan, maka dalam hal ini, ia tetap wajib dimandikan sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj :

Ertinya : *Berbeza sekiranya terdapat padanya (jasad mayat) luka-luka dan ditakuti dengan memandikannya (akan) mempercepat kerosakan pada mayat selepas dikebumikan, maka (dalam keadaan ini), ia (tetap) dimandikan kerana kesudahan seluruh jasadnya (akan) menjadi seperti itu juga (rosak).*

Cara Melakukan Tayammum Ke Atas Mayat

Mayat yang tidak dapat dimandikan, wajib diganti dengan tayammum. Pelaksanaan tayammum dilakukan oleh orang yang menguruskan mayat dengan cara memindahkan debu tanah ke bahagian muka dan kedua tangan mayat tersebut.

Dalam keadaan mayat yang tidak dapat disentuh secara langsung kerana ditakuti mendatangkan mudharat kepada orang yang menguruskannya, maka ia boleh dilaksanakan dengan berlapik atau dengan perantaraan alat yang bersesuaian. Ini kerana bertayammum dengan menyampaikan debu tanah ke muka dan dua tangan boleh dilakukan sama ada dengan tangan, kain atau kayu sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitab Raudhah ath-Thalibin, katanya :

Ertinya : *Dan perkara wajib (dalam tayammum) ialah menyampaikan (debu) tanah ke muka dan dua tangan dengan apa jua cara sama ada dengan tangan, kain atau kayu. Dan tidak disyaratkan melalukan tangan di atas anggota tayammum menurut pendapat al-ashah. Sekiranya dia menyapu dengan tangannya kemudian dia mengangkatnya di pertengahan anggota tayammum dan selepas itu mengembalikannya hukumnya adalah harus dan tidak dituntut mengambil (debu) tanah baru menurut pendapat al-ashah.*

Sekiranya mayat tersebut tidak dapat dimandikan dan tidak juga dapat ditayammumkan, sebagai contoh mayat adalah mangsa wabak berbahaya yang disahkan pakar perubatan bahawa jika ditayammumkan akan mendedahkan risiko jangkitan virus yang tinggi kepada pengendalinya, maka mayatnya dikafankan sebagaimana keadaannya (tanpa mandi dan tayammum), disembahyangkan dan dikebumikan.




Mengenai menyembahyangkan mayat yang tidak boleh dimandikan ini, Imam asy-Syarwani *Rahimahullah* dalam Hasyiyahnya yang mengulas kitab Tuhfah al-Muhtaj dalam perkara tidak boleh disembahyangkan orang yang tidak dapat dimandikan kerana lemas di dalam air, telah membawakan perkataan Imam ar-Rafi'e *Rahimahullah* yang memilih bahawa orang yang tidak dapat dimandikan adalah juga disembahyangkan.

Begitu juga al-Imam ad-Darimi *Rahimahullah* berpendapat bahawa mayat yang tidak dapat dimandikan hendaklah juga disembahyangkan sebagaimana yang disebutkan oleh as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam kitabnya Hasyiyah I'anah ath-Thalibin, katanya :

Ertinya : *Ad-Darimi dan (ulama) lainnya menegaskan bahawa orang yang tidak dapat dimandikan (adalah juga) disembahyangkan. Berkata ad-Darimi: Dan jika tidak (disembahyangkan), sudah tentu orang yang terbakar lalu menjadi abu atau (orang) yang dimakan binatang buas juga tidak disembahyangkan, dan saya tidak mengetahui seorang pun dari kalangan ulama kita yang mengatakan demikian (tidak disembahyangkan orang yang terbakar lalu menjadi abu atau orang yang dimakan binatang buas).*

Pendapat mengenai mayat yang tidak dapat dimandikan tetapi tetap disembahyangkan juga adalah pendapat yang dipilih oleh ulama *al-Muta'akhirin* dari kalangan ulama asy-Syafi'iyyah.

Berdasarkan penjelasan di atas, memandikan mayat merupakan salah satu perkara wajib dalam pengurusan jenazah. Jika terdapat halangan dalam melaksanakan tuntutan memandikannya, maka boleh digantikan dengan tayammum. Jika tayammum juga tidak dapat dilakukan, maka memadai pengurusan mayat tersebut dengan mengapankan, menyembahyangkan dan mengebumikannya.



PELITA BRUNEI

APAGM PERKUKUH PENYELARASAN, KERJASAMA PERUNDANGAN ASEAN



YANG Berhormat Peguam Negara dan Pendakwa Raya semasa menghadiri Mesyuarat APAGM Kali Pertama bertempat di The Empire Brunei.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Sehubungan itu, APAGM berperanan menyokong dan mempercepat kerjasama perundangan antarabangsa dalam bidang pendakwaan, menggalakkan pembangunan keupayaan serta perkongsian maklumat dan pengalaman dalam kalangan pendakwa raya ASEAN, di samping menyelaras dan menyokong badan-badan sektoral ASEAN yang lain dalam melaksanakan mandat masing-masing.

Peguam Negara dan Pendakwa Raya, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib menjelaskan perkara tersebut semasa berucap pada Mesyuarat APAGM Kali Pertama bertempat di The Empire Brunei, di sini.

Yang Berhormat Peguam Negara turut menegaskan bahawa usaha berkenaan perlu melengkapi mekanisme ASEAN sedia ada tanpa pertindihan fungsi, berlandaskan rundingan dan konsensus serta menghormati sepenuhnya kedaulatan negara dan kepelbagaian sistem perundangan setiap Negara Anggota.

Pendekatan tersebut diharap dapat menyumbang secara bermakna ke arah merealisasikan Wawasan Komuniti ASEAN 2045 serta pembentukan ASEAN yang berteraskan kedaulatan undang-undang dan berpusatkan rakyat.

Menurut Yang Berhormat, antara agenda utama mesyuarat termasuk pertimbangan Laporan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan APAGM (SOM-APAGM) Kali Pertama yang diadakan pada 19 Oktober 2026, cadangan Pelan Kerja APAGM, penyampaian kenyataan Ketua-ketua Delegasi serta pertimbangan dan penerimaan Kenyataan Bersama (Joint Communiqué).

Yang Berhormat berharap agar keputusan yang dicapai dalam mesyuarat sulung itu dapat membentuk hala tuju yang jelas bagi pelaksanaan tugas pegawai-pegawai kanan serta menjadi pemangkin kepada kerjasama pendakwaan yang lebih mendalam dan praktikal, berasaskan kepercayaan bersama dan semangat persahabatan ASEAN.

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut merakamkan penghargaan kepada Pejabat Peguam Negara Republik Indonesia, Pejabat Peguam Negara Kerajaan Thailand dan Pejabat Pendakwaan Agung Mahkamah Agung Kerajaan Kemboja atas kepimpinan bersama dalam proses perundingan ke arah penubuhan APAGM.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada proses berkenaan, termasuk mereka yang menandatangani deklarasi penubuhan sebelum beralih kepada tanggungjawab lain.

Mesyuarat yang dihoskan oleh Pejabat Peguam Negara, Negara Brunei Darussalam (NBD) itu menghimpunkan ketua-ketua pendakwa raya dan peguam negara serta perwakilan daripada kesemua 11 Negara Anggota ASEAN, termasuk Setiausaha Agung ASEAN, bagi memperkukuh kerjasama serantau dalam bidang pendakwaan dan perkara-perkara berkaitan.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Yang Berhormat Peguam Negara.

APAGM ditubuhkan melalui Deklarasi Sanur Bali (Sanur Bali Declaration) sebagai platform khusus bagi pihak berkuasa pendakwaan ASEAN untuk memperkukuh kerjasama dalam menangani jenayah rentas sempadan.

Penubuhan platform tersebut menandakan satu pencapaian penting dalam usaha mempererat kerjasama serantau dalam bidang pendakwaan serta memperkukuh kedaulatan undang-undang di seluruh ASEAN.

Mesyuarat turut mengalu-alukan inisiatif Pelan Kerja Pegawai-Pegawai Kanan APAGM 2026-2030 (Senior Officials' APAGM Work Plan 2026-2030), susulan perbincangan dalam mesyuarat berasingan yang dipengerusikan oleh NBD pada 19 Oktober 2026.

Pelan kerja berkenaan akan menjadi panduan dalam melaksanakan keutamaan APAGM, dengan tumpuan kepada pengukuhan kerjasama pendakwaan, pembangunan keupayaan institusi serta perkongsian maklumat dan amalan terbaik dalam kalangan Negara Anggota ASEAN.

Mesyuarat juga menekankan kepentingan penyelarasan erat dengan badan-badan ASEAN yang berkaitan bagi memastikan usaha menangani jenayah rentas sempadan dilaksanakan secara saling melengkapi, khususnya dalam menghadapi perkembangan pesat pendigitalan dan kemajuan teknologi.

Mesyuarat diakhiri dengan penerimaan Kenyataan Bersama APAGM Kali Pertama, yang menyaksikan Negara-negara Anggota ASEAN menegaskan semula komitmen untuk memperkukuh penyelarasan antara pihak berkuasa pendakwaan masing-masing bagi memastikan tindak balas yang lebih cepat, tepat pada masanya dan berkesan terhadap jenayah rentas sempadan.

Memacu transformasi perbendaharaan melalui AI



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Fiskal), Kementerian Kewangan selaku tetamu kehormat pada mesyuarat tersebut (kiri dan bawah kiri).

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ihsan Jabatan Perbendaharaan



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Oktober. - Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, dengan kerjasama PEMNA Sekretariat menganjurkan Mesyuarat 2026 Public Expenditure Management Network in Asia (PEMNA) Treasury Community of Practice (T-CoP) Brunei Darussalam bermula hari ini hingga Khamis, 22 Oktober di Radisson Hotel, di ibu negara.

Mesyuarat dirasmikan oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal), Kementerian Kewangan, Awang Muhammad Azizil Hakim bin Haji Brahim, selaku tetamu kehormat.

Turut hadir ke majlis tersebut, Pemangku Jurukira Agung, Pengiran Hajah Normaswati binti Pengiran Anak Haji Mashor, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja bagi Mesyuarat 2026 PEMNA T-CoP Brunei Darussalam.

Mesyuarat telah diadakan secara hibrid dengan mengumpulkan 80 peserta terdiri daripada pegawai-pegawai kanan perbendaharaan dari Negara Brunei Darussalam, Republik Rakyat China, Republik Indonesia, Republik Korea, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Mongolia, Republik Filipina, Thailand, Republik Demokratik Timor-Leste dan Republik Sosialis Viet Nam beserta wakil-wakil dari Kumpulan Bank Dunia (World Bank Group).

Tema mesyuarat 'Use of Artificial Intelligence (AI) for a Smarter Treasury for Enhanced Service Delivery' telah mengongsikan kefahaman mengenai aplikasi AI dalam fungsi, operasi dan proses kerja perbendaharaan.

Antara lainnya mesyuarat juga memfokuskan kepada penggunaan AI dalam peramalan dan analisis aliran tunai sebagai sebahagian daripada pengurusan tunai; penggunaan AI dalam penyediaan laporan dan analisis kewangan; serta penggunaan AI dalam pemprosesan pembayaran.

PEMNA telah ditubuhkan pada tahun 2012 dan berperanan sebagai platform bagi memudah cara perkongsian pengetahuan, pengalaman serta amalan terbaik dalam bidang pengurusan kewangan awam iaitu belanjawan, perbendaharaan dan hasil.

Melalui PEMNA, negara-negara anggota berpeluang untuk bertukar-tukar pandangan, berkongsi pengalaman secara langsung serta membincangkan pelbagai isu berkaitan pengurusan kewangan awam.

PERKUKUH KEUPAYAAN MASYARAKAT MENGENAL PASTI MAKLUMAT ISLAM SAHIH

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali





MAJLIS Penutup Kursus Literasi Maklumat Islam anjuran Perpustakaan (Maktabah) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) disempurnakan oleh Rektor UNISSA (kiri dan atas).

GADONG, Isnin, 19 Oktober. – Majlis Penutup Kursus Literasi Maklumat Islam anjuran Perpustakaan (Maktabah) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah diadakan baru-baru ini di Maktabah UNISSA, Kampus Gadong.

Majlis penutup kursus disempurnakan oleh Rektor UNISSA, Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, yang turut menyampaikan sijil kepada para pembentang dan peserta.

Kursus yang diadakan selama dua hari pada 15 dan 17 Oktober 2026 berkenaan disertai oleh para pegawai dan kakitangan dari Jabatan Mufti Kerajaan, Pejabat Peguam Negara, Jabatan Muzium-Muzium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Pusat Da'wah Islamiah, Jabatan Pengajian Islam, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Dewan Bahasa dan Pustaka serta mahasiswa dan mahasiswi institusi pengajian tinggi.

Kursus berkenaan memberi penekanan kepada konsep celik maklumat serta kaedah memanfaatkan sumber rujukan Islam yang muktabar dalam menghadapi cabaran penyebaran maklumat pada era digital.

Ketua Perpustakaan UNISSA, Dayang Norhasinah binti Haji Moksin, dalam ucapannya menjelaskan bahawa kursus berkenaan menggabungkan teori literasi maklumat dengan latihan praktikal bagi membimbing peserta merujuk sumber Islam yang muktabar dan sahih.

Menurutnya lagi, pendekatan berkenaan bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang celik ilmu dan berupaya menapis maklumat berlandaskan syariat.

Antara pengisian kursus ialah sesi 'Sumber Maklumat Islam Bercetak' yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Kajian Manuskrip Islam (PKMI), UNISSA, Dr. Haji Ahmad Baha bin Haji Mokhtar, diikuti Bengkel Indeks Manuskrip yang dikendalikan oleh para pelajar pusat berkenaan.

Peserta turut mengikuti sesi 'Sumber Maklumat Islam Digital dan Dalam Talian' serta Strategi Pencarian Maklumat Islam yang disampaikan oleh Pustakawan UNISSA, Dayang Amal Syukriyyah binti Haji Abdul Kahar.

Kursus diakhiri dengan sesi 'Sumber Tidak Sahih Dalam Pengajian Islam' yang disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Usuluddin, UNISSA, Dr. Muhammad Zakir bin Husain.

Penganjuran kursus berkenaan diharap dapat meningkatkan keupayaan masyarakat mengenal pasti kesahihan sumber maklumat Islam, di samping membendung penyebaran berita palsu dan maklumat yang mengelirukan, khususnya di media sosial.



Peranan komuniti dalam memajukan pembangunan sukan

APABILA kita melihat seorang anak muda berdiri di atas podium menerima pingat, mungkin kita hanya melihat kejayaan seorang atlet. Namun, di sebalik kejayaan itu sebenarnya terdapat sokongan ramai pihak iaitu ibu bapa, jurulatih, rakan-rakan dan komuniti yang sentiasa memberikan dorongan.

Pada pendapat saya, pembangunan sukan tidak seharusnya diletakkan di bahu atlet dan pihak berkuasa sahaja. Komuniti juga mempunyai peranan yang penting dalam mewujudkan persekitaran yang menggalakkan masyarakat untuk bersukan. Aktiviti seperti larian, bola sepak, badminton, senamrobik dan pelbagai kegiatan sukan boleh dianjurkan secara berkala di peringkat kampung dan mukim.

Selain menggalakkan gaya hidup sihat, aktiviti sukan mampu mengeratkan hubungan dalam kalangan masyarakat. Anak-anak muda dapat mengisi masa lapang dengan kegiatan yang berfaedah, manakala golongan dewasa pula berpeluang menjaga kesihatan sambil mengeratkan silaturahim.

Kita juga perlu memberikan lebih banyak ruang kepada kanak-kanak untuk mengenali dan mencuba pelbagai jenis sukan sejak usia muda. Tidak mustahil daripada aktiviti kecil di peringkat komuniti akan lahir bakat yang suatu hari nanti mampu mengharumkan nama negara.

Namun, usaha ini memerlukan komitmen bersama. Kemudahan sukan perlu dijaga, program perlu diteruskan dan para sukarelawan perlu dihargai. Sokongan moral daripada keluarga dan masyarakat juga amat penting supaya anak-anak tidak mudah berputus asa.

Saya percaya sukan bukan hanya tentang kemenangan dan pingat. Sukan membentuk disiplin, keyakinan diri, semangat berpasukan dan persahabatan. Jika setiap komuniti memainkan peranan, kita bukan sahaja memajukan pembangunan sukan tetapi turut membina masyarakat yang lebih sihat, aktif dan bersatu.

Nama : Siti Nurhazwani binti Muhedin
No. K/P : 01-057XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1.**'Penyakit Kardiovaskular : Ancaman Kesihatan dalam Masyarakat'.** Tarikh Tutup **: 21 Oktober 2026**
2.**'Transformasi Makna Komunikasi Dalam Era Teknologi'.** Tarikh Tutup **: 28 Oktober 2026**
3.**'Kebakaran Hutan : Ancaman kepada Kehidupan Manusia dan Haiwan'.** Tarikh Tutup **: 4 November 2026**

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn*

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PELITA BRUNEI

NBD TEROKA PELUANG KERJASAMA BAGI MEMPERKASA KEUPAYAAN STI

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

DA NANG, REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM, Isnin, 19 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menyertai Mesyuarat Jawatankuasa Sains, Teknologi dan Inovasi ASEAN Kali Ke-90 (COSTI-90) dan mesyuarat-mesyuarat lain yang berkaitan, yang berlangsung pada 14 hingga 15 Oktober 2026 di Furama Resort Danang, Da Nang, Republik Sosialis Viet Nam.

Penyertaan berkenaan mencerminkan komitmen berterusan NBD dalam memperkukuh kerjasama serantau dalam bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI), di samping meneroka peluang kerjasama yang dapat menyokong pembangunan keupayaan dan keutamaan STI negara.

Mesyuarat berkenaan dipengerusikan oleh Pengarah Jeneral Jabatan Sains, Kementerian Pendidikan dan Sukan Lao PDR, Tuan Yang Terutama Souksavath Sihapanya, selaku Pengerusi COSTI dan dihadiri oleh wakil-wakil Negara-negara Anggota ASEAN (ASEAN Member States - AMS) serta Sekretariat ASEAN.

Mesyuarat COSTI-90 menjadi platform bagi Negara-negara Anggota ASEAN untuk menyelaras keutamaan, meneliti kemajuan inisiatif bersama dan mengenal pasti peluang baharu bagi memperkukuh ekosistem STI serantau.

Perbincangan merangkumi kerjasama penyelidikan, pembangunan keupayaan dalam bidang *deep and emerging technologies* (teknologi baru muncul), pemindahan teknologi, pembangunan modal insan serta kerjasama dengan rakan dialog ASEAN.

Usaha-usaha berkenaan adalah penting dalam menyokong pelaksanaan Pelan Tindakan Sains, Teknologi dan Inovasi ASEAN (APASTI) 2026-2035 serta menyumbang kepada Wawasan ASEAN 2045 yang berdaya saing, inovatif dan berteraskan pengetahuan.

Antara perkara utama yang dibincangkan ialah pelaksanaan Keutamaan Ekonomi Utama (Priority Economic Deliverables - PEDs) bagi 2026, yang merangkumi ASEAN Declaration on the Advancement of Space Science, Technology and Innovation Cooperation dan Regional Programme for Science, Technology and Innovation on AI (Phase 1 - Health Science and Technology).

Mesyuarat turut mengambil maklum perkembangan Infrastruktur Pengkomputeran Berprestasi Tinggi ASEAN-Korea (ASEAN-Korea High-Performance Computing - HPC), yang menyediakan kemudahan pengkomputeran kongsi bagi menyokong penyelidikan dan pembangunan keupayaan dalam bidang pengkomputeran lanjutan.

Selain itu, mesyuarat membincangkan perkembangan pelaksanaan APASTI 2026-2035, inisiatif di bawah Dana Sains, Teknologi dan Inovasi ASEAN (ASEAN Science, Technology and Innovation Fund - ASTIF) serta laporan kemajuan lima Jawatankuasa Kecil COSTI yang telah bagi memperkukuh penyelarasan dan pelaksanaan kerjasama STI ASEAN.

Dalam usaha menyumbang kepada agenda STI serantau, NBD turut mengetengahkan cadangan penyediaan ASEAN Quantum Action Plan (AQAP) bagi menggalakkan kerjasama ASEAN dalam bidang teknologi kuantum.

Cadangan berkenaan mencerminkan pengiktirafan terhadap kepentingan teknologi kuantum sebagai salah satu bidang teknologi baharu yang berpotensi membawa perubahan kepada pengkomputeran, komunikasi selamat dan pelbagai aplikasi saintifik serta industri.

Memandangkan pembangunan teknologi kuantum memerlukan kepakaran khusus, penyelidikan berterusan dan pelaburan dalam pembangunan keupayaan, kerjasama serantau dapat menyediakan ruang bagi perkongsian pengetahuan, penerokaan peluang penyelidikan bersama dan pembangunan kepakaran secara berperingkat.

Melalui cadangan AQAP, NBD berharap dapat menyumbang kepada usaha ASEAN dalam meningkatkan kesedaran dan kesiapsiagaan terhadap teknologi kuantum, di samping meneroka pendekatan kerjasama yang bersesuaian dengan tahap pembangunan dan keupayaan setiap Negara Anggota ASEAN.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Sains, Teknologi dan Inovasi ASEAN Kali Ke-90 (COSTI-90) dan mesyuarat-mesyuarat lain yang berkaitan, yang berlangsung pada 14 hingga 15 Oktober 2026 di Furama Resort Danang, Da Nang, Republik Sosialis Viet Nam.

NBD, selaku Penyelaras Negara bagi Kerjasama STI ASEAN-Kesatuan Eropah (ASEAN-EU), turut membentangkan laporan kemajuan kerjasama yang mengetengahkan pelbagai inisiatif bagi memperkukuh hubungan dan kerjasama kedua-dua rantau dalam bidang sains, teknologi dan inovasi.

Inisiatif berkenaan termasuk ASEAN-EU ELEVATE, Pelan Hala Tuju Diplomasi Sains ASEAN dan Dialog Mobiliti Bakat STI (DESTINY), yang memberi tumpuan kepada perkongsian kepakaran, mobiliti bakat, pemindahan pengetahuan serta pengukuhan jaringan kerjasama antara institusi penyelidikan dan universiti.

Penyertaan NBD dalam COSTI-90 juga merupakan sebahagian daripada usaha memperkukuh asas pembangunan Kerangka Strategi STI Kebangsaan. Penglibatan dalam perbincangan dan inisiatif serantau membolehkan NBD meneliti perkembangan teknologi, memahami keutamaan bersama ASEAN serta mengenal pasti peluang kerjasama yang boleh dimanfaatkan dalam membangunkan keupayaan STI negara.

Perkembangan seperti kerjasama dalam HPC, Kecerdasan Buatan (AI), teknologi angkasa dan teknologi kuantum turut memberikan input yang berguna dalam mempertimbangkan bidang keutamaan, pembangunan modal insan, pengukuhan penyelidikan dan hubungan antara institusi penyelidikan dengan industri.

Pada masa yang sama, pengalaman dan amalan Negara-negara Anggota ASEAN lain dapat membantu memperkayakan pertimbangan dalam merangka pendekatan yang bersesuaian dengan keperluan dan keupayaan NBD.

Melalui penglibatan aktif dalam COSTI dan kerjasama STI ASEAN, NBD dapat memastikan pembangunan STI negara bukan sahaja memenuhi keperluan dan aspirasi kebangsaan, malah mengambil kira peluang kerjasama serantau dan perkembangan teknologi global.

Pendekatan berkenaan penting dalam memperkukuh ekosistem STI yang mampu menyokong penyelidikan, menggalakkan inovasi, meningkatkan penerapan teknologi dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara secara mampan.

Di samping mesyuarat berkenaan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) turut mengatur lawatan ke Da Nang Intelligent Operations Centre (IOC), sebuah pusat operasi bandar pintar yang memanfaatkan teknologi digital dan analisis data untuk memantau keadaan bandar serta menyediakan maklumat dan analisis yang bernilai kepada pihak berkepentingan bagi menyokong perancangan, penyelarasan dan proses membuat keputusan.

Lawatan berkenaan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada delegasi NBD mengenai pendekatan dan amalan terbaik Da Nang dalam penggunaan data dan teknologi bagi menyokong pengurusan bandar pintar, serta meneliti pengalaman yang boleh dijadikan rujukan dalam penerokaan inisiatif digital dan teknologi pintar di NBD.

Delegasi NBD ke Mesyuarat COSTI-90 diketuai oleh Setiausaha Tetap MTIC, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof. Delegasi negara turut disertai oleh pegawai-pegawai kanan dari MTIC, Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB).

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلولأن ڤوسة دعوه اسلاميه

Sakit sebagai ujian, rahmat Allah

SAKIT merupakan sebahagian daripada lumrah kehidupan yang tidak dapat dihindari. Ia adalah satu bentuk ujian yang menimpa seseorang sehingga menyebabkan tubuh badan menjadi lemah, tidak sihat atau uzur. Di sebalik penderitaan yang dialami, sakit sebenarnya merupakan ujian yang menguji keimanan, kesabaran dan ketabahan seseorang hamba dalam menghadapi ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketahuilah, bahawa setiap ujian yang Allah turunkan pasti mengandungi hikmah dan kebaikan. Bagi mereka yang reda, sabar dan tabah menghadapi penyakit, Allah Subhanahu Wata'ala menjanjikan ganjaran pahala dan pengampunan dosa. Ujian sakit juga menjadi peringatan agar kita tidak lalai daripada melaksanakan suruhan Allah Subhanahu Wata'ala dan meninggalkan larangan-Nya. Melalui ujian ini, hati menjadi lebih dekat kepada Allah, sentiasa mengingati-Nya serta meningkatkan ketaatan kepada-Nya.

Selain itu, kesakitan juga mengajar seseorang untuk lebih menghargai nikmat kesihatan yang selama ini dipandang ringan. Sesungguhnya nikmat sihat dan kelapangan merupakan dua nikmat yang sering diabaikan, sehingga seseorang diuji dengan kesakitan atau kesibukan. Pada saat itu barulah disedari betapa besarnya nikmat yang dikurniakan Allah sebelum ini.

Apabila diuji dengan penyakit sama ada ringan mahupun kronik, perkara pertama yang perlu dilakukan ialah muhasabah diri. Renungi segala kesalahan dan dosa yang pernah dilakukan, seterusnya menyesali segala keterlanjuran, bertaubat dengan sebenar-benar taubat serta berazam untuk tidak mengulanginya lagi.

Dalam menghadapi ujian ini, kita hendaklah bersabar dan menerimanya dengan reda tanpa sebarang keluhan mahupun rintihan. Jangan sekali-kali mempersoalkan atau menyalahkan ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala kerana hanya Dia yang Maha Mengetahui rahsia dan hikmah di sebalik ujian yang dikurniakan-Nya.

Di samping itu, Islam mengajar kita agar berikhtiar mendapatkan kesembuhan melalui amalan-amalan yang dianjurkan syarak. Antaranya ialah memperbanyakkan membaca dan menghayati ayat-ayat Al-Quran, berselawat, berzikir serta berdoa memohon kesembuhan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya Al-Quran merupakan petunjuk, rahmat dan penawar bagi hati serta jasmani orang-orang yang beriman. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Israa', ayat 82, yang terjemahan makna ayatnya :

"*Dan Kami menurunkan daripada Al-Quran suatu penawar (bagi penyakit rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman, dan Al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim (orang kafir) selain kerugian*".

Selain berubat dengan ayat-ayat Al-Quran, Islam juga ada mengajar kaedah perubatan yang diamalkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam termasuk menjaga pemakanan yang baik dan berkhasiat seperti memakan kurma, minum air Zamzam, madu serta makanan halal lagi baik yang memberi manfaat kepada tubuh badan.

Sesungguhnya sakit adalah suatu bentuk tarbiah daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk menguji keimanan hamba-Nya. Oleh itu, jadikanlah setiap ujian sebagai ruang untuk memperbaiki diri, memperkukuhkan kesabaran dan mendekatkan diri kepada Allah. Di samping berusaha mendapatkan rawatan yang sewajarnya. Teruskan berdoa memohon kesembuhan daripada-Nya. Semoga dengan kesabaran dan keredaan serta keikhlasan dalam menghadapi ujian ini, Allah akan mengurniakan hikmah-Nya dengan menggugurkan dosa-dosa kita serta mengurniakan kesembuhan dan rahmat-Nya. Sebagaimana firman-Nya dalam Surah Asy-Syu'araa', ayat 80, yang terjemahan makna ayatnya :

"*Tuhan yang menciptakan aku maka Dialah yang mengurniakan hidayah kepadaku. Dan Dialah yang mengurniakan aku makan dan minum. Dan jika aku sakit maka Dialah yang menyembuhkan aku*".

MEMBINA EKOSISTEM PERNIAGAAN INKLUSIF, BERDAYA TAHAN



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI), Awang Haji Mohammad Yusree bin Haji Junaidi semasa berucap (kiri). Manakala gambar bawah kanan, Timbalan Setiausaha Tetap (Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan), KEPI bergambar ramai bersama wakil-wakil dari negara lain.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul Izzi Haji Duraman

GADONG, Isnin, 19 Oktober. - Memperkukuh daya saing Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui pendigitalan, amalan perniagaan mampan dan peluasan akses pasaran menjadi antara keutamaan kerjasama serantau ASEAN, selaras dengan usaha membina ekosistem perniagaan yang lebih inklusif, berdaya tahan dan berdaya saing.

Sehubungan itu, Negara Brunei Darussalam (NBD) menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Serantau ASEAN mengenai PMKS Ke-22 (ACCMSME) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan yang berlangsung pada 19 hingga 23 Oktober 2026 di The Rizqun International Hotel, Gadong.

Mesyuarat berkenaan dianjurkan bersama oleh Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI) serta Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), dengan menghimpunkan pegawai dan wakil negara-negara anggota ASEAN, Sekretariat ASEAN, rakan dialog serta organisasi rakan kerjasama.

Mesyuarat ACCMSME Ke-22 diadakan pada tahun pertama pelaksanaan pusingan strategik lima tahun baharu ASEAN bagi kerjasama serantau dalam pembangunan PMKS.

Antara perkara yang dibincangkan ialah kemajuan pelaksanaan Pelan Strategik Komuniti Ekonomi ASEAN 2026-2030 dan Pelan Tindakan Strategik bagi Pembangunan PMKS 2026-2030.

Agenda mesyuarat turut merangkumi inisiatif Pusat Kecemerlangan ASEAN bagi PMKS, Pusat Kecemerlangan ASEAN bagi PMKS dalam Peralihan Hijau serta pembangunan Nombor Pengenalan Perniagaan Unik. Perbincangan juga meliputi transformasi digital, perniagaan inklusif dan kerjasama dengan rakan luar.

Timbalan Setiausaha Tetap (Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan), KEPI, Awang Haji Mohammad Yusree bin Haji Junaidi, dalam ucapan alu-aluannya semasa Majlis Pembukaan, menekankan bahawa kerjasama serantau perlu membantu PMKS menembusi pasaran baharu, memenuhi keperluan pasaran yang sentiasa berubah serta menghubungkan mereka dengan pembeli dan rakan kongsi dalam rantaian bekalan serantau.

"Seiring dengan perubahan landskap ekonomi serantau dan global, pengukuhan ekosistem PMKS melalui dasar yang berkesan, transformasi digital dan kerjasama serantau adalah amat penting," jelas beliau.

Beliau turut menegaskan bahawa usaha bersama perlu menghasilkan manfaat yang nyata kepada PMKS serta menyumbang kepada pembentukan ekonomi ASEAN yang lebih bersepadu, inklusif dan mampan.

Menurutnya, pembangunan PMKS kekal sebagai antara komponen penting dalam usaha NBD mempelbagaikan ekonomi negara. Inisiatif ACCMSME turut melengkapi usaha berkenaan, termasuk melalui ASEAN SME Policy Index (ASPI), Projek Enhancing Digital Economy Participation for ASEAN Women MSMEs (IDEAS) dan program AI for MSME Advancement in ASEAN (AIM ASEAN).

Inisiatif-inisiatif tersebut membantu memperkukuh rangka kerja dasar, menggalakkan pertumbuhan inklusif dan memajukan transformasi digital, termasuk meningkatkan kemahiran hampir 800 perniagaan tempatan bagi menghadapi persekitaran ekonomi yang semakin dinamik.

Sementara itu, Pengerusi ACCMSME merangkap Timbalan Ketua Pengarah Agensi Pembangunan Perusahaan Swasta dan Koperasi, Kementerian Kewangan Republik Sosialis Viet Nam, Trinh Thi Huong, berkata inisiatif serantau perlu mengambil kira keperluan PMKS yang pelbagai, khususnya perusahaan yang menghadapi cabaran lebih besar dalam pendigitalan, akses pasaran dan pertumbuhan mampan.

"Matlamat kita adalah untuk memastikan PMKS ASEAN bukan sekadar mengambil bahagian dalam transformasi ekonomi rantau ini, tetapi turut menjadi pemacu aktif inovasi digital, pertumbuhan hijau dan pembangunan inklusif," jelasnya.

Beliau menambah bahawa kerjasama serantau yang lebih kukuh serta inisiatif yang praktikal dan berorientasikan hasil akan membantu PMKS meningkatkan daya saing, daya tahan dan hubungan dengan peluang perniagaan di seluruh ASEAN dan luar rantau ini.

ACCMSME bersidang dua kali setahun sebagai badan penyelaras ASEAN bagi kerjasama serantau berkaitan PMKS. Platform tersebut membolehkan negara-negara anggota memperkukuh penyelarasan dasar, bertukar pengalaman dan menterjemahkan keutamaan bersama kepada inisiatif yang praktikal.

Berpandukan pelan tindakan strategik ASEAN bagi pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana serta rangka kerja penggantinya, ACCMSME berusaha mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi membolehkan PMKS berkembang, bersaing dan mengambil bahagian secara lebih berkesan dalam pasaran serantau serta global.

Tiga mesyuarat berkaitan turut diadakan sepanjang minggu berkenaan, iaitu Mesyuarat Kumpulan Kerja Peningkatan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Korea (AKFTA) mengenai PMKS Ke-3, Konsultasi Bersama ACCMSME dan Agensi PMKS Jepun Ke-37 serta Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek IDEAS Ke-5.

Penganjuran mesyuarat -mesyuarat berkenaan mencerminkan komitmen NBD untuk terus bekerjasama rapat dengan negara-negara anggota ASEAN, Sekretariat ASEAN dan rakan serantau dalam memajukan agenda pembangunan PMKS serta menyokong pembentukan ekonomi ASEAN yang lebih bersepadu, inklusif dan berdaya tahan.



HALUAN

>> Muka 2

Oleh itu, objektif kita adalah jelas, untuk menterjemahkan infrastruktur kepada peningkatan perdagangan, pelaburan yang lebih kukuh, produktiviti yang lebih tinggi dan peluang pekerjaan yang berkualiti untuk rakyat NBD.

SLDA memberikan satu lagi peluang. Kejayaannya bukan sahaja diukur dengan bilangan kapal yang diterima tetapi oleh ekosistem maritim yang lebih luas yang diciptanya, pemanduan, tunda, pengisian bahan api, ukur marin, penyelenggaraan, latihan dan perkhidmatan profesional. Lebih besar nilai yang dikekalkan dalam NBD, lebih besar manfaat ekonomi jangka panjang kepada negara kita.

Pendigitalan juga amat penting. Pelancaran Maritime Single Window pada Mac 2025, diikuti dengan penyertaan NBD ke Konvensyen IMO FAL, menandakan peristiwa penting dalam memodenkan pentadbiran maritim kita. Prinsip panduan Konvensyen FAL adalah mudah: menghantar maklumat sekali dan gunakan semula berkali-kali.

Oleh itu, fasa seterusnya bukanlah untuk mencipta lebih banyak platform digital, tetapi untuk menyepadukan yang sedia ada. Maritime Single Window harus berfungsi sebagai laluan kawal selia tunggal, manakala 'Port Community System' harus menghubungkan agensi kerajaan, syarikat perkapalan, pengendali pelabuhan dan penyedia logistik melalui perkongsian maklumat yang lancar.

Akhirnya, kejayaan tidak akan diukur dengan bilangan sistem yang kita lancarkan tetapi dengan pantas, mudah dan terjamin untuk kita menjalankan perniagaan di NBD.

Teknologi sahaja tidak akan mengubah sektor maritim. Rakyat akan mengubah. Awal tahun ini, MPABD melancarkan Transformasi Digital 2.0, mengembangkan perkhidmatan dalam taliannya sambil mencapai pensijilan ISO 9001, ISO 14001 dan ISO 45001. Ini adalah pencapaian penting dan dilakukan dengan baik kepada MPABD.

Namun demikian, kecemerlangan ditunjukkan bukan dengan pensijilan itu sendiri tetapi dengan menyampaikan perkhidmatan yang cekap, boleh dipercayai dan fokus pelanggan secara konsisten. Begitu juga, pelabuhan pintar bukan sekadar yang dilengkapi dengan teknologi canggih.

Ia adalah pelabuhan yang disokong oleh data yang tepat, sistem bersepadu, keselamatan siber yang kukuh, membuat keputusan bermaklumat dan terutama sekali orang yang berkemahiran. Oleh itu, tenaga kerja maritim masa depan akan kelihatan sangat berbeza daripada hari ini.

Kita akan terus memerlukan pelaut dan jurutera marin yang berpengalaman. Pada masa yang sama, kita juga memerlukan pakar hidrografi, operator Perkhidmatan Trafik Kapal (Vessel Traffic Service), pakar keselamatan siber, penganalisis data, peguam maritim dan inovator yang boleh memacu sektor ini ke hadapan.

Oleh itu, saya menggalakkan Minggu Maritim ini memberi penekanan yang kuat terhadap pembangunan belia, keupayaan tenaga kerja dan penyertaan wanita yang lebih besar dalam industri maritim.

Program seperti Meet and Explore dan inisiatif Pelapor Belia (Youth Rapporteur) harus memberi inspirasi kepada generasi akan datang dan menunjukkan bahawa kerjaya maritim hari ini adalah inovatif, dipacu teknologi dan berkaitan di peringkat antarabangsa.

Kepada institusi pendidikan dan rakan kongsi industri kami, saya menggalakkan kerjasama berterusan untuk memastikan setiap biasiswa, program kadet dan latihan membawa kepada kecekapan yang bermakna, pengalaman praktikal dan pekerjaan yang mampan. Daya saing masa depan kita bergantung pada pelaburan sumber manusia hari ini.

Tahun lepas, MPABD melancarkan pelan strategik lima tahunnya, Navigating 2030, sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 dan berpandukan prinsip Maqasid Syariah. Keutamaannya adalah jelas iaitu Memperkukuh keselamatan maritim; Meningkatkan sumbangan ekonomi; Membangunkan bakat sedia masa hadapan; dan Mempercepatkan transformasi digital dan hijau.

Arah telah ditetapkan. Tanggungjawab kita sekarang ialah pelaksanaan. Kejayaan tidak akan diukur dengan bilangan rancangan yang kita hasilkan atau mesyuarat yang kita adakan. Ia akan diukur dengan hasil yang ketara iaitu Perairan yang lebih selamat; Perkhidmatan maritim yang lebih pantas dan boleh diramal; Kesalinghubungan pelabuhan yang lebih kukuh dan jumlah perdagangan yang lebih tinggi; Lebih ramai rakyat Brunei bekerja dalam kerjaya maritim bernilai tinggi; dan kesediaan kecemasan yang lebih baik di samping persekitaran marin yang dilindungi.

Mencapai hasil ini memerlukan tiga komitmen daripada kita semua. Pertama, pelaksanaan mengubah idea menjadi projek dengan pemilikan yang jelas, garis masa dan hasil yang boleh diukur. Kedua, integrasi menghimpunkan kerajaan, industri dan teknologi untuk menyampaikan perkhidmatan maritim hujung ke hujung yang lancar. Ketiga, perkongsian di mana kerajaan membolehkan, industri melabur, ahli akademik membangunkan bakat dan rakan kongsi antarabangsa berkongsi pengetahuan dan amalan terbaik.

NBD tidak perlu menjadi negara maritim terbesar. Tetapi kita mesti berusaha untuk menjadi salah satu yang paling dipercayai untuk tadbir urus kita; dipercayai untuk standard keselamatan kita; dipercayai untuk perkhidmatan yang boleh dipercayai dan berdaya saing; dipercayai sebagai rakan maritim yang bertanggungjawab dan berdaya saing; kerana laut yang selamat membina keyakinan; keyakinan mengukuhkan ekonomi; dan tenaga kerja sedia masa hadapan mengubah peluang kepada kemajuan negara yang berkekalan.

Dengan itu, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada semua peserta BDMW, semoga lebih produktif dan berjaya. Terima kasih.

Wabillahit Taufik Walhidayah, *Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V & VI sahaja

Kategori:
KA01

Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
30 September 2026

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
20 Oktober 2026
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
Tidak Lewat 2.00 Petang
27 Oktober 2026

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 35 / 2026

Nama Projek:
Membaik Pulih Dan Menurap Semula Lebuhraya Lumut – Belait Fasa 2

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
20 Oktober 2026
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
Tidak Lewat 2.00 Petang
27 Oktober 2026

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 30 / 2026

Nama Projek:
Membaikpulih Dan Menurap Semula Lebuhraya Tutong - Telisai

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
-

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V (IV & V) sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja – Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 008 / 2026 – (CDE).T.V

Nama Projek:
Kontrak Penggal (2026 - 2029) Pemeliharaan Saliran Zon 4 Daerah Brunei dan Muara

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
10 November 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 November 2026,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Iklan Tarikh Lanjutan

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
MOD Approved Lift Contractor

Kategori:
KPME02

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Selasa,
13 Oktober 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa,
27 Oktober 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-LE / 33 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membekal Dan Mengganti Alat Ganti OTIS Lif Di Kementerian Ekonomi, Perdagangan Dan Industri

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 141 / 26-27
Twenty-Four (24) Months Term Contract For The Full Maintenance Of All Air-Conditioning Units Under The Responsibility Of Radio Televisyen Brunei

Bayaran Yuran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu,
28 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan dan Keterangan Tawaran:
JBS / ADM / TDR / 08 / 2026
Perkhidmatan Penyediaan, Pembekalan dan Penghantaran Makan / Minum Malam Berkonsepkan Individually Packed Meals and Drinks Bagi 35 Orang Atlet Dibawah Program Elit Kecemerlangan Kendalian Jabatan Belia dan Sukan

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
10 November 2026

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / DITU / TA / 002
Pembelian Komputer Berspesifikasi Tinggi

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 3 November 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
TCP / 13 / 2026 / 2027
Provision Of General Cleaning And Housekeeping Services For Department Of Town And Country Planning, Headquarters And Branch Offices, Ministry Of Development, Negara Brunei Darussalam

Harga Yuran Sebut Harga:
BND5.00 - Tidak dikembalikan

Tarikh Tutup dan Tempat Penghantaran:
Sabtu,
7 November 2026
sebelum jam 2.00 Petang

PERATURAN PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :
iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
I & II sahaja

Kategori:
B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM021 / 2026

Bil. Projek:
2026DBSBM / JKR.07

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan, Pembersihan Dan Mengganti Cat Bangunan Di Perumahan Kerajaan Flat JKR Tasek Lama (Blok A, B & C) Di Bawah Kawalan Jabatan Pentadbiran Dan Kewangan, Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelas:
IV & V sahaja

Kategori:
B01, KA01 & E01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM022 / 2026

Bil. Projek:
2026DBSBM / JPA.03

Nama Projek:
Integrasi Pengurusan Pemeliharaan Bangunan (104 Minggu) Bagi Flat Kiarong Kelas 'B' (Blok B), Kelas 'CC' (Blok C) Dan Kelas 'DD' (Blok F) Di Bawah Kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Kelas:
III & IV sahaja

Kategori:
B01, KA01 & E01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM023 / 2026

Bil. Projek:
2026DBSBM / JPA.04

Nama Projek:
Integrasi Pengurusan Pemeliharaan Bangunan (104 Minggu) Bagi Flat Kiarong Kelas 'F' Lapangan Terbang Lama Di Bawah Kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam, Daerah Brunei Dan Muara, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 November 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Dibukakan Kepada Pemborong - Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III

Kategori:
KA01 (Kod Baru)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 33 / STE / 2026-T / 11

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Kerosakan Struktur Bangunan Dan Tempat Pejalan Kaki Di Masjid Pehin Dato Imam Haji Mokti, Kampung Burung Pingai Ayer

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelas:
III & IV

Kategori:
KA01 Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 34 / BKTKS / 2026-T / III

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik pulih Tanah Susur Di Kampung Birau-Lattice

Tower #16

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 35 / BKTKS / 2026-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Tanah Susur Di Tepi Jalan Utama Receiver Station Jalan Kustin

Yuran Tawaran:
BND 10.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Selasa,
3 November 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
17 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPA / RKN / 1208-009
The Supply, Delivery, Installation, Integration, Testing, Training and Commissioning of the Surface Movement Radar (SMR) System and Provision of Other Related Services

Tarikh mula menyiarkan:
Isnin,
19 Oktober 2026

Tarikh terakhir menyiarkan:
Sabtu,
24 Oktober 2026

Tarikh Hari Informasi:
Isnin,
26 Oktober 2026

Masa Hari Informasi:
Jam 9.00 pagi hingga selesai

Tempat Hari Informasi:
Bilik Mesyuarat,
Bangunan Sekuriti Penerbangan,
Jabatan Penerbangan Awam

JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Kenyataan Bagi Mendapatkan Tawaran

Bilangan Tawaran:
JBBSB / LTK / 2025-2026 / 01 / BPPG / SPPP / 01

Keterangan Tawaran:
Janitorial Services, Pest Control, Landscaping And Ground Maintenance For Bangunan Pasar Pelbagai Barangan Gadong And Its Surrounding Areas
[1 December 2026 Until 30 November 2028]

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelas:
III ke atas

Kategori:
Minimum S01 dan S02

Tarikh Tutup:
Selasa,
21 Jamadilawal 1448
bersamaan 3 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0055 / 2026
Supply And Delivery Of Reagents And Consumables For Environmental PCR Laboratory And Microbiology Laboratory

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0056 / 2026
Technical Service For Calibration Of Laboratory Equipment In Compliance To ISO / IEC 17025 Standard

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
12 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan dan Keterangan Tawaran:
JBS / ADM / TDR / 07 / 2026
Supply and Install New Pool Tables, Snooker Tables and Chinese Billiard Tables at the Hassanal Bolkiah National Stadium, Berakas

Yuran Tawaran:
BND30.00

JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDT / KPD / 06 / 2026-2027
Supply Of P.A. System Equipments Jabatan Daerah Tutong

Yuran Tawaran:
BND5.00

INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
ITQ / E / 01 / 2106 / 26-27
Cleaning Roof At Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
ITQ / T / 2106 / 02 / 26-27
Water Tank For Hostel At Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
4 November 2026
Jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa,
24 November 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Isnin
9 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KESIHATAN

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 228 / 2026 / HTD
The Provision Of Maintenance Services For Shimadzu Radiography Equipment For One (1) Year For Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 231 / 2026 / JPK
Urgent Work To Supply And Install With New Earth Continuity Copper Tape At Roof Top Area At Berakas Health Centre

Kelayakan Pemborong / Pembekal:
Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan

Kategori:
E01 & E02

Kelas:
Kelas II

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 234 / 2026 / UPP (TC)
The Supply And Delivery Medical Consumables - Screws (Small Fragments And Screws) For Orthopedic Department (Operating Theatre), Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK/235/2026/UPP(TC)
The Supply And Delivery Medical Consumables (Plating System Mini Fragments Plating Systems) For Orthopedic Department (Operating Theatre), Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years - Part I

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 236 / 2026 / UPP (TC)
The Supply And Delivery Medical Consumables (Plating System Distal Radius Variable Angle Locking Plate System) For Orthopedic Department (Operating Theatre), Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years - Part II

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 237 / 2026 / UPP (TC)
The Supply And Delivery Medical Consumables - (Cannulated Screws) For Orthopedic Department (Operating Theatre), Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 238 / 2026 / UPP (TC)
The Supply And Delivery Medical Consumables - Wiring (Drill Bit And Guide Wire) For Orthopedic Department (Operating Theatre), Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years - Part 1

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK/239/2026/UPP(TC)
The Supply And Delivery Medical Consumables - Wiring (Kirschner Wires And Cerclage Wires) For Orthopedic Department (Operating Theatre), Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years - Part II

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 240 / 2026 / UPP (TC)
The Supply And Delivery Medical Consumables (Others - Titanium Elastic Nailing (TENS) System Disposable Surgical Drapes) For Orthopedic Department (Operating Theatre), Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 241 / 2026 / UPP
Supply And Delivery Of Medical Consumables For Gastroenterology And Hepatology Unit At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 242 / 2026 / HTD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Aneroid Sphygmomanometer For Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KK / 243 / 2026 / HTD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning One (1) Unit Of Genetic Analyzer System For Human Identification (HID) For Forensic Biology Section, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND50.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
23 / JPB / SH / 2026
Alat Kelengkapan Operasi (Close-Quarter Battle) Untuk Gerakan Khas Penjara

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
20 Oktober 2026
(Tidak lewat dari jam 2.00 Petang)

Waktu-Waktu Menerima / Mengambil Dokumen Tawaran

Isnin – Khamis
8.00 Pagi Hingga 11.30 Pagi

Sabtu
8.00 Pagi Hingga 10.00 Pagi

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
20 / JPB / SH / 2026
Repair And Refurbishment Works To The Existing Containers At Fasa 1

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
21 / JPB / SH / 2026
Pembelian Kontina Bagi Penyimpanan Barang Asas Banduan Dan Tahanan

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
22 / JPB / SH / 2026
Construction Of New Fencing For Green House And Padi Field At Penjara Maraburong Phase 3, Jabatan Penjara

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa, 20 Oktober 2026
Tidak lewat dari Jam 2.00 Petang

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
TCP / 16 / 2026 / 2027
The Supply And Delivery Of Notebook For Department Of Town And Country Planning, Ministry Of Development, Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
TCP / 17 / 2026 / 2027
The Supply And Delivery Of A3 Colour Multifunction Laserjet Printer, Department of Town and Country Planning, Ministry Of Development, Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
TCP / 18 / 2026 / 2027
The Supply And Delivery Of A4 Colour Laserjet Printer, Department Of Town And Country Planning, Ministry Of Development, Brunei Darussalam

Permohonan dokumen sebut harga adalah dengan melayari laman sesawang ***www.jpbd.gov.bn*** melalui link Perkhidmatan Dalam Talian iaitu Sistem Tcpestorebn atau melalui Berita Terkini

Harga Yuran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Tempat Penghantaran:
Sabtu,
24 Oktober 2026
Sebelum jam 2.00 Petang

JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
AUD / BPK / UE / Q&T / 2026-2027 / 23.
Pembelian Lima Belas (15) Portable Duplex Scanner Di Jabatan Audit Bangunan Bahirah, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Perkara:
Portable Scanner
Desktop Sheet-Fed Scanner

Scan Size:
A4

Scan Speed:
B & W 15 BPPM (Simplex) / 30 IPM (Duplex), Colour 10 PPM (Simplex) / 20 IPM (Duplex)

Scan Resolution:
Up to 600 dpi

Standard Feesing Capacity:
up to 20 sheets

Connectivity:
Hi-speed USB 2.0
(USB 3.0 bus power supported)

Recommended Daily Scan Volume:
Up to 500 scans per day

Kuantiti:
15 unit

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
3 November 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
AUD / BPK / UE / Q&T / 2026-2027 / 08A
Existing, Installing, Commissioning And Testing PABX System At Jabatan Audit, Bangunan Bahirah, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Perkara:
IP PABX

Kuantiti:
1

Perkara:
IP Telephone - Operator

Kuantiti:
1

Perkara:
IP Telephones

Kuantiti:
16

Perkara:
Switch

Kuantiti:
1

Perkara:
Gateway - Analog Telephones

Kuantiti:
5

Perkara:
Uninterrupted Power Supply (UPS)

Kuantiti:
1

Perkara:
Standing Rack

Kuantiti:
1

Perkara:
Installation, Testing & Commissioning Charges

Kuantiti:
1

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
3 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Pemberitahuan Tawaran

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / RC / 02 (11) Maintenance, Inspection, Supply And Delivery Of Fire Extinguishers For The Royal Brunei Armed Forces - Five (5) Years Contract

Tarikh Mula Tawaran:
12 Oktober 2026

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah dua minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 10 November 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III

Kategori:
KA01 (Kod Baharu)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
27 Oktober 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup:
10 November 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 32 / BKTKS / 2026-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Masalah Endapan Tanah Di Kelas 'C' 250 Flat Guru-Guru Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / CCAU / 07 (1) The Leasing, Installation, Operation, Maintenance, and Servicing of Water Dispensers for Personnel Optimisation Centre - Five (5) Years Contract

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Isnin, 26 Oktober 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 3 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(121) INFO / PK / K / 7 (2026-2027)
To Supply, Install And Deliver Synthetic Sticker Paper For Information Department's Panels

Yuran Sebut Harga:
Dikenakan Bayaran BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
22 Oktober 2026
Jam 8.00 Pagi

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

1. MOE / LTK / 49 / 2026 / 2027 (JPPE-OKT-2026)
Replacement Of Damaged Air-Conditioner For Ministry Of Education Zone 4 (Tutong), Negara Brunei Darussalam - Phase 2.

Kelas: III / IV
(Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam)

Kategori: M01

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND100.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

2. MOE / LTK / 50 / 2026 / 2027 (JPPE-OKT-2026)
Replacement Of Damaged Air-Conditioner For Ministry Of Education Zone 5 (Belait), Negara Brunei Darussalam - Phase 2.

Kelas: III / IV
(Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam)

Kategori: M01

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND100.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

3. MOE / LTK / 51 / 2026 / 2027 (JPPE-OKT-2026)
Replacement Of Damaged Air-Conditioner For Ministry Of Education Zone 3 (Brunei Muara 3 & Temburong), Negara Brunei Darussalam - Phase 2.

Kelas: III / IV
(Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam)

Kategori: M01

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND100.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

4. MOE / LTK / 52 / 2026 / 2027 (JPPE-OKT-2026)
Replacement Of Damaged Air-Conditioner For Ministry Of Education Zone 1 (Brunei Muara 1), Negara Brunei Darussalam -Phase 2.

Kelas: III / IV
(Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam)

Kategori: M01

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND100.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

5. MOE / LTK / 53 / 2026 / 2027 (JPPE-OKT-2026)
Replacement Of Damaged Air-Conditioner For Ministry Of Education Zone 2 (Brunei Muara 2), Negara Brunei Darussalam - Phase 2.

Kelas: IV / V
(Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam)

Kategori: M01

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND500.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

6. MOE / LTK / 54 / 2026 / 2027 (JPPE-OKT-2026)
Replacement Of DX Systems At Pusat Tingkatan Enam Sengkurong, Negara Brunei Darussalam

Kelas: Terbuka
(Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam)

Kategori: M01

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran Bagi:
A. MOE / LTK / 49 / 2026 / 2027 hingga MOE / LTK / 53 / 2026 / 2027 adalah 28 Oktober 2026 (Rabu)

B. MOE / LTK / 54 / 2026 / 2027 adalah 4 November 2026 (Rabu)

Tarikh Tutup Dan Waktu:
10 November 2026 – Selasa
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
RTB / 17 / 2026
Term Contract Of Twenty-Four (24) Months Period For Operation, Routine Maintenance & Repair Work For Air-Conditioning Systems (HVAC) At Radio Television Brunei Broadcasting Complex, Sungai Akar

Bayaran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa,
27 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

JPH / 003 / SH2588 / 2026 - 2027
Kerja-Kerja Membaik Pulih Pondok Jualan Dan Kemudahan Di Taman Rekreasi Bukit Shahbandar.

Borang Pendaftaran Syarikat (Jika belum berdaftar):
BND10.00

Borang Sebut Harga:
BND5.00 [Tidak Dikembalikan]

Tarikh Terakhir Membeli Dokumen:
22 Oktober 2026 (Khamis)

Tarikh Tutup Tawaran:
29 Oktober 2026
(Khamis)

JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2026-2027 / 09 (R)
Supply And Delivery Of Mesra Lapel Pin Badges

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
22 Oktober 2026,
Jam 2.00 Petang

SOKONGAN, SIKAP MEMAHAMI LANGKAH PENTING MEMELIHARA KESIHATAN MENTAL

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



TEMA Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia pada tahun ini, 'Pengalaman Kehidupan Didengar : Suara Yang Benar, Perubahan Yang Nyata' (Lived Experiences Heard : Real Voices, Real Change) menyeru masyarakat agar terus memperkukuh komitmen dalam memelihara kesihatan dan kesejahteraan mental demi membina masyarakat yang sihat, berdaya tahan dan inklusif.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Oktober. - Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia yang diraikan pada setiap 10 Oktober merupakan platform penting dalam meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menjaga kesihatan mental sebagai sebahagian daripada kesejahteraan hidup.

Tema sambutan pada tahun ini, 'Pengalaman Kehidupan Didengar : Suara Yang Benar, Perubahan Yang Nyata' (Lived Experiences Heard : Real Voices, Real Change) menyeru masyarakat agar terus memperkukuh komitmen dalam memelihara kesihatan dan kesejahteraan mental demi membina masyarakat yang sihat, berdaya tahan dan inklusif.

Sehubungan itu, individu yang berhadapan dengan cabaran kesihatan mental perlu diberikan ruang dan peluang untuk berkongsi pengalaman serta menyuarakan pandangan mereka. Penglibatan tersebut penting bagi membantu membentuk dasar, perkhidmatan dan sistem sokongan yang lebih responsif terhadap keperluan serta realiti kehidupan mereka.

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, Awang Hashim bin Haji Ahmad, 45 tahun, dari Kampung Mentiri berpendapat bahawa kesihatan mental tidak seharusnya dipandang ringan kerana ia merupakan aspek penting yang mempengaruhi kehidupan setiap individu.

Menurut beliau, masyarakat perlu lebih peka terhadap kepentingan menjaga kesihatan mental dan memahami bahawa tekanan emosi yang berpanjangan boleh menjejaskan kesejahteraan diri serta rutin kehidupan seharian sekiranya tidak ditangani dengan sewajarnya.

Beliau turut menekankan pentingnya meningkatkan kesedaran masyarakat agar isu berkaitan kesihatan mental dapat dibincangkan secara terbuka, tanpa stigma atau tanggapan negatif terhadap individu yang mengalaminya.

Sementara itu, Dayang Maimunah binti Haji Kamis dari Kampung Lambak pula menekankan kepentingan menjaga kestabilan emosi, khususnya ketika berada di tempat kerja, bagi mengelakkan tekanan yang boleh menjejaskan kesejahteraan mental.

Menurut beliau, setiap individu perlu bijak mengurus tekanan dengan mengimbangi tuntutan pekerjaan dan kehidupan peribadi, di samping meluangkan masa untuk berehat serta melakukan aktiviti yang dapat menenangkan fikiran.

Beliau turut menyarankan agar individu tidak teragak-agak mendapatkan sokongan daripada ahli keluarga, rakan atau individu yang dipercayai apabila berhadapan dengan tekanan emosi.

"Kesedaran, sokongan dan sikap saling memahami merupakan antara langkah penting dalam memelihara kesihatan mental. Justeru, masyarakat diseru agar lebih prihatin terhadap kesejahteraan diri dan orang di sekeliling, selain mewujudkan persekitaran yang terbuka, selamat dan menyokong bagi memastikan setiap individu berasa didengari, dihargai dan tidak bersendirian dalam menghadapi cabaran kehidupan," jelas beliau.



Kenali Bahasa Brunei

baagut / bahagut bermaksud datang berulang kali untuk tujuan menagih hutang atau meminta balik sesuatu.
Contoh pemakaian kata : *baagut baru ia mambayar utangnya ah.*

baajat / bahajat bermaksud mempunyai kemahuan atau berkehendakkan sesuatu.
Contoh pemakaian kata : *mun ia bahajat bisai lambut kurapaknya tu, mun inda jangan arap.*

baalat / bahalat bermaksud berselang atau berantara.
Contoh pemakaian kata : *kadia pun inda barapa baik ujut, baalat ari ia malawat babunya di sapitar.*

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Selera Kampung Kitani



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Rendang Kari Ayam

Kampung Belimbing, Subok

BAHAN-BAHANNYA :
1 ekor ayam
2 biji ubi kentang
5 sudu serbuk rendang
1 sudu serbuk kari
2 sudu makan gula
1 sudu teh garam
1 sudu makan secukup rasa
Minyak (secukupnya)
Air (secukupnya)

BAHAN KISAR :
3 biji bawang merah
2 ulas bawang putih
1 biji bawang Bombay
1 inci halia
1 batang serai

CARA-CARA MEMASAKNYA :
Panaskan minyak dalam periuk, kemudian tumis bahan-bahan yang telah dikisar sehingga naik bau. Masukkan serbuk rendang dan serbuk kari gaul sebati bersama bahan tumisan tadi supaya aroma dan rasanya lebih terasa. Kemudian masukkan ayam (yang telah dipotong-potong) ke dalam periuk dan gaul rata dan biarkan selama 1-2 minit. Setelah itu, masukkan air dan gaulkan. Masukkan ubi kentang (yang dipotong-potong). Akhir sekali, tutup periuk dan biarkan ayam masak selama 15-25 minit. Kemudian masukkan gula, garam dan secukup rasa sesuai selera.

BELIA BRUNEI DILANTIK JURI ANTARABANGSA TERMUDA ANUGERAH KELESTARIAN MALAYSIA



AWANG Muhammad Fadli bin Awang Haji Zaini, pemimpin belia negara, wakil dari Young Professionals Network Brunei (atas). Manakala gambar bawah kanan, Awang Muhammad Fadli semasa bergambar ramai di acara berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Oktober. - Pemimpin belia Negara Brunei Darussalam (NBD) yang juga wakil dari Young Professionals Network Brunei (YPN Brunei), Awang Muhammad Fadli bin Awang Haji Zaini, dilantik sebagai satu-satunya juri antarabangsa dan ahli panel termuda bagi JCI Malaysia Sustainable Development Awards (JCIM SDA) 2026.

Majlis kemuncak penyampaian anugerah berkenaan berlangsung di Miri, Sarawak, pada 4 Oktober lalu, bersempena ulang tahun ke-10 penganjuran anugerah tersebut.

Majlis berkenaan dihadiri oleh Menteri Pengangkutan Sarawak, Dato Sri Lee Kim Shin dan Datuk Bandar Miri, Adam Yii Siew Sang, serta wakil-wakil daripada kerajaan, sektor industri dan masyarakat sivil.

Awang Muhammad Fadli menyertai panel juri yang terdiri daripada individu berpengalaman dalam bidang tadbir urus, kejuruteraan, pembangunan belia dan kelestarian, termasuk bekas ahli Majlis Bandaraya Miri, Karambir Singh; jurutera profesional dan pakar Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), Ir. Jess Vun; serta bekas Pengurus Besar Penang Youth Development Corporation yang juga perunding kelestarian, Dr. Gwee Sai Ling.

Sebagai satu-satunya juri antarabangsa dan ahli panel termuda, beliau menyertai sesi penjurian yang berlangsung pada 29 dan 30 Ogos lalu di Miri, sekali gus membawa perspektif NBD dalam penilaian pelbagai inisiatif pembangunan mampan.

Berbekalkan pengalaman profesional dalam bidang sumber manusia serta penglibatan berterusan dalam pembangunan belia, Awang Muhammad Fadli turut menyumbangkan pandangan berkaitan tadbir urus, kepimpinan masyarakat, impak sosial yang boleh diukur serta kelestarian jangka panjang.

Anugerah berkenaan dianjurkan oleh Junior Chamber International Malaysia (JCI Malaysia) dengan JCI Lutong sebagai tuan rumah, bagi mengiktiraf inisiatif cemerlang yang menyumbang kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (SDGs).

Penganjuran tahun ini menerima sebanyak 49 penyertaan, dengan 29 finalis disenarai pendek dan 10 anugerah disampaikan.

JCI Malaysia merupakan pertubuhan kebangsaan Malaysia bagi Junior Chamber International (JCI), sebuah rangkaian global yang menghimpunkan pemimpin muda dan warga aktif berusia antara 18 hingga 40 tahun. Melalui

Berita dan Foto : Ihsan Awang Muhammad Fadli Awang Haji Zaini

cawangan-cawangan tempatannya, organisasi berkenaan menggalakkan pembangunan kepimpinan, keusahawanan, penglibatan masyarakat dan kerjasama antarabangsa.

Awang Muhammad Fadli baru-baru ini diiktiraf sebagai calon yang disenarai pendek untuk Anugerah Pemimpin Belia pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2026 awal Oktober ini, mencerminkan sumbangan beliau kepada pembangunan belia, termasuk penglibatan berterusan dengan YPN Brunei dan sebelum ini merajui peranan dengan Persatuan Sumber Manusia, Kumpulan Penasihat Belia untuk DBNS dan Majlis Belia Brunei antara lain.

Penyertaan beliau terutamanya mencerminkan komitmen berterusan YPN Brunei untuk memajukan kerjasama belia serantau, berikutan Forum Belia Brunei Ke-4 yang diadakan sempena Program Bas Belia BIMP-EAGA 2025 yang julung kali diadakan.

Penglibatan tersebut dibina berdasarkan resolusi yang didorong oleh forum belia untuk mengukuhkan perkongsian rentas sempadan dan menterjemahkan hubungan serantau kepada peluang yang bermakna untuk kepimpinan dan sumbangan belia.

Mengulas pengalaman berkenaan, Awang Muhammad Fadli berkata bahawa pembangunan mampan bukan sekadar diukur berdasarkan jumlah program yang dilaksanakan atau bilangan individu yang menerima manfaat, tetapi turut mengambil kira perubahan bermakna dalam kehidupan masyarakat serta sejauh mana perubahan tersebut dapat dikekalkan dalam jangka panjang.

Beliau turut menegaskan bahawa golongan belia yang mempunyai keupayaan dan perspektif bersesuaian mampu memberikan sumbangan bermakna tanpa mengira umur.

Menurutnya, perkara yang lebih penting bukan sekadar mewakili negara atau organisasi, tetapi memastikan hubungan serantau diterjemahkan kepada sumbangan nyata dan kerjasama berterusan, selaras dengan aspirasi Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 (DBNS) untuk memperkasa belia NBD di peringkat antarabangsa.

Pelantikan berkenaan mencerminkan peluang untuk pemimpin muda Brunei untuk menyumbang kepada perbincangan serantau mengenai pembangunan mampan, sambil mengukuhkan kerjasama rentas sempadan dalam menyokong aspirasi Wawasan 2035 Brunei.





Pelanjutan tempoh kutipan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza

Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Oktober. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tempoh kutipan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza telah dilanjutkan selama enam bulan lagi iaitu mulai 19 Oktober 2026 sehingga 18 April 2027 untuk orang ramai terus menyalurkan bantuan bagi meringankan kesengsaraan dan beban penderitaan penduduk Palestin yang terjejas di Gaza. Pelanjutan ini termasuklah melalui platform kutipan yang tersedia di bawah tabung ini.

Kutipan melalui SMS Brunei Prihatin yang dikendalikan oleh Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST Sdn. Bhd.), Progresif Sdn. Bhd. dan Imagine Sdn. Bhd.; Penyediaan tabung-tabung derma di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara, bangunan-bangunan awam, gedung-gedung perniagaan serta bank-bank dengan kerjasama Persatuan Bank-bank dan penganjuran aktiviti-aktiviti amal bagi tujuan kutipan derma tersebut.

Kutipan keseluruhan dana tabung ini setakat 18 Oktober 2026 adalah sebanyak BND8,185,070.19. Sebahagian daripada kutipan dana berjumlah BND1,399,545 telah digunakan bagi penghantaran bantuan kemanusiaan ke Palestin melalui *air-drop* dalam bentuk paket makanan yang siap sedia untuk dimakan yang telah dilaksanakan pada 13 hingga 15 Mac 2024. Oleh itu, baki tabung setakat 18 Oktober 2026 adalah berjumlah BND6,785,525.19.

PELITA BRUNEI



Memastikan kelestarian makanan tanggungjawab bersama

Oleh : Norliah Md. Zain
Ilustrasi : Muhammad Ike Iqrami Haji Suhaimi

MAKANAN yang baik bukan sahaja mengenyangkan, tetapi menjadi asas kepada kehidupan yang lebih sihat dan masa depan yang lebih baik.

Mempunyai makanan dalam satu hari merupakan satu nikmat rezeki yang patut disyukuri. Ada yang terlantar sakit tidak boleh menyuap makanan atau makan seperti kebiasaan dan tidak kurang juga ada yang terpaksa berpantang makan atau 'memilih' makanan kerana penyakit tertentu seperti kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung dan lain-lain.

Di sinilah timbul pepatah makan untuk hidup, bukan hidup untuk makan. Jangan sampai nikmat bertukar menjadi mudarat kepada kita, biarlah nikmat itu menjadi manfaat kepada kita selama-lamanya.

Jika kita lihat secara global pula, ada juga golongan yang tidak dapat merasa nikmat makan disebabkan dibelenggu kebuluran tidak mendapat makanan. Sedarkah kita bahawa ratusan juta penduduk dunia hari ini masih menderitai kebuluran?

Hari Makanan Sedunia disambut setiap tahun pada 16 Oktober. Tarikh ini telah diisytiharkan pada tahun 1979 oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO). Ia juga bertepatan dengan penubuhan FAO pada tahun 1945, yang menambah konteks sejarah penting kepada peringatan ini. Ia adalah hari yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang masalah makanan global, memerangi kelaparan dan kemiskinan, dan mempromosikan matlamat utama : Kempen Global 'Sifar Kelaparan'.

Sambutan ini menjadi wadah untuk kita merenung semula nikmat rezeki, amanah menjaga sumber makanan dan tanggungjawab bersama dalam memastikan kelestarian makanan negara.

Selaras dengan tema global tahun 2026, 'Innovate Today. Nourish Tomorrow' - sambutan pada tahun ini menekankan bahawa inovasi bukan hanya teknologi canggih, tetapi juga merangkumi ilmu tradisional, penyelidikan sains, dasar awam, keusahawanan dan tindakan komuniti.

Cabaran global

Salah satu isu yang menjadi cabaran global ialah perbezaan dalam akses kepada makanan. Walaupun pengeluaran makanan global mencukupi untuk memberi makan kepada seluruh penduduk dunia, pengagihan dan pembaziran yang lemah bermakna berjuta-juta orang mengalami kelaparan setiap hari.

Sebaliknya, obesiti dan penyakit berkaitan diet semakin meningkat, walaupun di negara membangun. Ini menggariskan kerumitan masalah makanan global, yang bukan sahaja bergantung pada kuantiti tetapi juga pada kualiti dan pengagihan makanan.

Hari Makanan Sedunia mengajak kita untuk bermuhasabah dan bertindak. Ia adalah peringatan tahunan bahawa tindakan seharian, tidak kira betapa kecilnya tindakan itu, boleh memberi kesan yang ketara kepada kehidupan berjuta-juta orang dan kesejahteraan planet ini. Bersama-sama kita boleh membina masa depan di mana tiada siapa yang kelaparan dan semua orang mempunyai akses kepada diet yang sihat dan mampan.

Cabaran, peluang dalam konteks NBD

Sebagai sebuah negara kecil yang diberkati keamanan dan kemakmuran di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, isu keselamatan makanan adalah keutamaan negara.

Walaupun kebanyakan keperluan makanan di negara ini adalah diimport dari luar negara, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengorak langkah proaktif meningkatkan pengeluaran makanan tempatan dan mengurangkan kebergantungan import melalui industri pertanian, perikanan dan agrimakanan yang mampan.

Penggunaan teknologi fertigasi, hidroponik, akuakultur moden dan ladang vertikal yang sedang giat dilaksanakan di kawasan pertanian di Wasan, Batang Mitus dan Temburong. Ini selaras dengan konsep inovasi pertanian pintar untuk masa depan.

Selain itu Sijil Halalan Toyyiban yang mana Negara Brunei Darussalam (NBD) dikenali sebagai peneraju global dalam pensijilan halal membezakan pendirian NBD kerana makanan bukan sahaja perlu halal, tetapi juga bersih, selamat, berkhasiat dan mampan.

Peranan rakyat

Sebagai pengguna, kita hendaklah menghargai rezeki. Belilah mengikut keperluan, sokong produk tempatan seperti sayur-sayuran dari ladang tempatan, ayam keluaran tempatan dan ikan hasil tangkapan orang tempatan. Elakkan budaya 'membeli secara berlebihan'.

Bagi golongan belia dan usahawan pula, bersempena dengan Hari Makanan Sedunia ia adalah bagi menyeru anak muda untuk melihat pertanian bukan sebagai kerja biasa-biasa, tetapi sebagai industri berteknologi tinggi. Menjadi *agripreneur* moden merupakan satu jihad ekonomi.

Penutup

Keselamatan makanan adalah tanggungjawab bersama. Inovasi yang kita lakukan hari ini sama ada menanam satu pasu sayur di halaman rumah, menyokong petani tempatan, atau tidak membazir makanan, akan menentukan sama ada generasi akan datang masih dapat menikmati makanan yang berkhasiat dan mencukupi.

Sama-samalah kita mendukung hasrat negara untuk mencapai keselamatan makanan yang mampan, berteraskan nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB) dan demi merealisasikan Wawasan Brunei 2035.


Makanan adalah hak asasi, membazir adalah pengkhianatan terhadap nikmat. Berinovasi hari ini demi rezeki yang berkat untuk esok.

Sempena Hari Makanan Sedunia 2026, marilah kita bersama-sama membuat pilihan makanan yang lebih sihat, menghargai sumber makanan dan mengurangkan pembaziran makanan, agar hidup lebih bermakna.











Bimbing anak disleksia dengan kaedah yang betul

Oleh : Norliah Md. Zain
Ilustrasi : Muhammad Ike Iqrami Haji Suhaimi

SEBAGAI sebuah negara yang mengamalkan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), setiap kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah amanah yang wajib diberi pendidikan yang adil dan saksama, tanpa mengira latar belakang dan keupayaan pembelajaran.

Perkembangan anak-anak pada masa ini sememangnya perlu diberi perhatian sejak awal lagi. Semua ibu bapa mahukan yang terbaik buat anak-anaknya. Maklumat di hujung jari boleh digunakan untuk mendapatkan pengalaman ibu bapa lain mengenai perubahan anak-anak. Tinggal saja lagi ibu bapa perlu merujuk kepada pakar jika ada apa-apa yang tidak kena dengan anak mereka.

Antara kondisi yang perlu diperhatikan ialah disleksia. Ibu bapa perlu memberi perhatian jika anak mereka didapati ada ciri tersebut dan rujuk kepada pakar. Lebih awal dikenal pasti, maka awal juga ibu bapa dapat membantu anak tersebut dengan cara yang khusus.

Disleksia atau dalam istilah tempatan sering disebut sebagai kesukaran pembelajaran spesifik, bukanlah satu penyakit mahupun kecacatan akal. Ia adalah perbezaan neurologi yang mempengaruhi keupayaan seseorang individu untuk membaca, menulis dan mengeja dengan lancar. Selaras dengan hasrat Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan inklusif, kesedaran tentang disleksia perlu dipertingkatkan di semua peringkat masyarakat.

Apa itu disleksia?

Disleksia adalah keadaan di mana otak memproses maklumat bertulis secara berbeza. Di NBD, kes disleksia diletakkan di bawah kategori Keperluan Pendidikan Khas (Special Educational Needs) yang dipantau oleh Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan.

Individu disleksia di NBD sering mengalami :

- Kesukaran mengecam bunyi huruf (fonik) dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.
- Bacaan perlahan dan sering tertinggal.
- Ejaan yang tidak konsisten dan tulisan yang sukar dibaca.
- Kesukaran mengurus masa dan mengingat arahan berturutan.

Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak disleksia mempunyai kekuatan dalam pemikiran kreatif, kemahiran visual-spatial, dan penyelesaian masalah yang tinggi jika dibimbing dengan kaedah yang betul.

Ciri-ciri umum disleksia

Disleksia boleh kelihatan berbeza pada setiap individu. Antara ciri-ciri umum adalah seperti berikut.

1. Kesukaran dengan kesedaran fonologi.

Sukar untuk mengenal pasti dan menggunakan bunyi dalam perkataan (seperti memecahkan perkataan kepada bunyi, menggabungkan bunyi atau mengenal pasti rima).

Ini boleh kelihatan seperti :

- Sukar untuk memecahkan perkataan kepada bunyi (contoh c-a-t).
- Masalah menggabungkan bunyi bersama (contoh /b/ /a/ /t/ - bat).
- Sukar mengenal pasti perkataan yang berirama.
- Keliru bunyi yang hampir serupa (contoh /b/ dan /d/).

2. Kesukaran dengan kelajuan pemprosesan verbal.

Mengambil masa yang lebih lama untuk menerima, memahami dan memberi tindak balas terhadap maklumat lisan.

Ini boleh kelihatan seperti :

- Memerlukan lebih banyak masa untuk memproses apa yang telah dikatakan.
- Mengambil masa yang lebih lama untuk menjawab soalan.
- Sukar untuk mengikuti perbualan yang laju atau perbincangan berkumpulan.
- Mungkin kelihatan seperti tidak mendengar, tetapi mereka hanya memerlukan lebih banyak masa.

3. Kesukaran dengan ingatan verbal.

Sukar untuk mengingati maklumat lisan dalam tempoh yang singkat.

Ini boleh kelihatan seperti :

- Lupa arahan yang baru sahaja diberikan.
- Sukar mengingati senarai (contoh hari dalam seminggu, turutan).
- Memerlukan arahan diulang atau diberikan dengan cara yang berbeza.
- Mungkin mengingati maklumat dengan lebih baik apabila ia dalam bentuk visual berbanding lisan.

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas telah memperkenalkan Program Intervensi Awal : Saringan literasi di peringkat Pra dan Tahun 1 untuk mengesan awal tanda-tanda disleksia. Selain itu ditempatkan juga Guru SENA (Special Educational Needs Assistance) di sekolah-sekolah kerajaan untuk membantu pelajar berkeperluan khas termasuk disleksia.

Tanda awal

Berikut adalah beberapa tanda awal yang boleh dikesan oleh ibu bapa terhadap anak-anak mereka.

Peringkat 4 - 6 tahun : Lambat bercakap, sukar menyebut rima, keliru antara huruf b/d, p/q.

Peringkat 7 - 12 tahun : Tidak suka membaca, sering mengelak membuat kerja rumah, menulis, cepat penat ketika membaca, hilang keyakinan diri dan sering dibandingkan.

Peranan bersama

1. Ibu bapa dan penjaga :

Jangan melabel atau menghukum. Berikan doa, sokongan emosi dan dapatkan penilaian profesional segera. Pengesanan awal sebelum umur tujuh tahun adalah kunci kejayaan.

2. Guru-guru :

Laksanakan pendekatan pengajaran multisensori (Visual-Audio-Kinestetik) yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan.

3. Masyarakat :

Hentikan budaya memandang rendah. Negara memerlukan pendekatan inklusif. Ingatlah bahawa setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah. Oleh itu adalah menjadi tugas kita memupuk fitrah tersebut mengikut keupayaannya.

Penutup

Kesedaran disleksia di NBD adalah sebahagian daripada usaha kita untuk tidak meninggalkan sesiapa dalam arus pembangunan negara (No One Left Behind). Anak-anak disleksia bukanlah beban, mereka adalah permata yang memerlukan cara penggilapan yang berbeza.

Seseorang yang mengalami disleksia, sering berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti masalah keyakinan diri, masalah keseimbangan, koordinasi serta daya ingatan yang lemah atau mudah lupa. Dalam konteks disleksia perlu ditekankan, tidak lancar membaca dan mengeja bukan bererti menandakan kecerdasan yang rendah.

Disleksia bukan penghalang kejayaan, ia adalah cara pembelajaran yang berbeza yang memerlukan bimbingan yang berbeza. Dengan pendekatan yang betul mereka juga punya masa depan yang lebih cerah.

Marilah kita bersama-sama membina persekitaran pembelajaran yang lebih memahami, lebih penyayang dan lebih inklusif selaras dengan ajaran Islam dan nilai-nilai MIB.



PELITA BRUNEI

BENGKEL TINGKATKAN KEFAHAMAN PENGENDALIAN SISTEM HIDROPONIK

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali





PROGRAM AgriFuture 2026 : Bengkel Pengenalan Pertanian Moden yang berlangsung di Perusahaan Zaias, Kawasan Kemajuan Pertanian Betumpu, Kampung Masin (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Oktober. - Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri (OCeAN), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Perusahaan Zaias telah menganjurkan Program AgriFuture 2026 : Bengkel Pengenalan Pertanian Moden yang berlangsung di Perusahaan Zaias, Kawasan Kemajuan Pertanian Betumpu, Kampung Masin.

Bengkel sehari tersebut disertai oleh 25 mahasiswa / mahasiswi dan alumni UNISSA untuk menimba pengetahuan dan pengalaman dalam bidang pertanian moden, khususnya sistem hidroponik sebagai salah satu kaedah pertanian yang semakin berkembang dan berpotensi untuk diterokai.

Bengkel tersebut dikendalikan oleh Pengurus Perusahaan Zaias, Awang Mohamad Akmal Asmaan bin Haji Asmali. Sepanjang bengkel, para peserta mengikuti taklimat mengenai hidroponik yang merangkumi pengenalan kepada sistem hidroponik, jenis-jenis sistem hidroponik dan aplikasinya, pemilihan sistem yang sesuai, pencampuran baja serta teknik tuaian dan selepas tuaian.

Selain sesi penerangan, para peserta turut mengikuti sesi praktikal secara *hands-on* yang merangkumi aktiviti menyemai, menanam, penyediaan larutan nutrien, penuaian dan selepas tuaian.

Aktiviti tersebut memberikan pengalaman pembelajaran secara langsung serta meningkatkan kefahaman peserta mengenai pengendalian sistem hidroponik.

Para peserta juga berpeluang menyertai lawatan ke rumah hijau dan kemudahan hidroponik bagi melihat sendiri pelaksanaan sistem tersebut dalam persekitaran sebenar serta memperoleh pendedahan yang lebih menyeluruh mengenai amalan pertanian berasaskan hidroponik.

Penganjuran program ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dan minat pelajar serta alumni UNISSA terhadap bidang pertanian moden, di samping menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya SDG 2, SDG 4, SDG 8, serta SDG 17.



Alai Pintar

SOALAN 183

SOALAN 21 OKTOBER 2026, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Apakah lawan bagi perkataan besar?
   a) Tinggi
   b) Kecil
   c) Lebar

2. Jika sebuah buku berharga BND4.50 dan Ahmad membeli 3 buah, berapakah jumlah yang perlu dibayar?
   a) BND13.50
   b) BND14.50
   c) BND13.00

3. Ikan tidak mempunyai ciri berikut :-
   a) Kaki
   b) Sisik
   c) Mata

TARIKH TUTUP : 31 OKTOBER 2026

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai Berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau e-mel ke pelita.brunei@information.gov.bn
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : .....
Tarikh Lahir : .....
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : .....
Sekolah : .....
Tahun : .....
Alamat : .....
.....
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : .....

JAWAPAN SOALAN 182 : S1 C S2 B S3 A

HADIAH PEMENANG

3X BAUCER BND 40 BAGI ALAI YANG MENJAWAP DENGAN TEPAT

*UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA LEBIH DARI 3 ORANG PEMENANG

PEMENANG ALAI PINTAR :

Nama : **Nur Armeel Elvina binti Muhammad Alif**
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : **0160500**. Sekolah : **Sekolah Stella**

Nama : **Nasrullah bin Mohammad Wadood**
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : **0137681**. Sekolah : **Sekolah Rendah Pulaie**

Nama : **Nur Zahirah Husna binti Md. Zulhelmi**
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : **01-204116**. Sekolah : **Sekolah Rendah Dato Basir**

REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN TERBUKA KEPADA PELABURAN, PERNIAGAAN - MERZ

BERLIN, 20 Okt. - Republik Persekutuan Jerman terbuka kepada pelaburan dan perniagaan, kata Canselor Friedrich Merz kepada ahli perniagaan pada Isnin ketika merasmikan sidang kemuncak pelaburan pertama anjuran kerajaannya, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Berucap pada acara Invest in Germany yang berlangsung di sebuah loji janakuasa yang tidak lagi beroperasi di Berlin, Merz menyifatkan penganjuran itu sebagai permulaan era baharu pelaburan di negara berkenaan, sambil menegaskan kedudukan Republik Persekutuan Jerman sebagai rakan kongsi yang stabil dan boleh dipercayai.

"Jerman terbuka kepada pelaburan, Jerman terbuka kepada perniagaan dan Jerman bersedia untuk berkembang pada kadar lebih pantas," kata beliau.

Merz berkata Republik Persekutuan Jerman kini sedang melalui perubahan asas dalam bidang ekonomi dan teknologi yang didorong oleh Kecerdasan Buatan (AI).

Beliau menyifatkan program pelaburan besar-besaran kerajaan dalam sektor pertahanan, infrastruktur dan langkah menangani perubahan iklim sebagai usaha pemodenan terbesar dalam sejarah terkini Republik Persekutuan Jerman.

Menurutnya, usaha turut dilaksanakan di peringkat Kesatuan Eropah (EU) bagi memperkukuh pasaran tunggal blok itu.

Merz turut menegaskan semula komitmen kerajaannya untuk mengurangkan kerenah birokrasi, mendigitalkan pentadbiran awam dan melaksanakan pembaharuan sistem kebajikan sosial.

Beliau berkata sidang kemuncak itu merupakan pelawaan kepada para pelabur untuk turut serta dalam usaha pemodenan negara berkenaan.

Sidang kemuncak itu akan diteruskan pada Selasa di sebuah sekolah perniagaan swasta. - ©BERNAMA

4 kanak-kanak antara 5 maut dalam 2 insiden keganasan di Bolivia

LA PAZ, 20 Okt. - Empat kanak-kanak antara lima individu maut dalam dua insiden keganasan berasingan pada hujung minggu di Potosi, barat daya Bolivia, termasuk kejadian seorang lelaki dipercayai membunuh dua anaknya sebelum membunuh diri serta satu lagi insiden tikaman yang meragut dua nyawa, menurut polis pada Isnin, lapor Xinhua.

Ketua Polis Potosi Roger Villazon berkata insiden pertama berlaku di komuniti Colquechaca apabila seorang lelaki berusia 22 tahun membawa dua anaknya yang berusia satu dan empat tahun ke sebuah lokasi terpencil. Lelaki itu kemudian meletupkan bahan letupan yang menyebabkan dia dan kedua-dua anaknya maut.

Villazon berkata penyiasat menemukan nota bunuh diri yang ditinggalkan lelaki itu, yang menyebut mengenai masalah hubungan dengan pasangannya. Polis masih menyiasat kejadian itu.

Insiden kedua berlaku pada Ahad malam di perbandaran Llallagua, utara Potosi, apabila seorang kanak-kanak lelaki berusia sembilan tahun dan seorang remaja berusia 15 tahun maut akibat ditikam.

Suspek, seorang lelaki berusia 24 tahun, melarikan diri dari lokasi kejadian selepas serangan itu.

Ketua polis bagi kawasan utara Potosi, Luis Meneses, berkata polis melancarkan operasi memburu suspek pada awal Isnin sebelum berjaya mengesan dan menahannya.

Beliau berkata suspek ditahan untuk disoal siasat sementara pihak pendakwa raya meneruskan siasatan lanjut. - ©BERNAMA

Republik Indonesia, PBB bincang isu strategik, kerjasama pelbagai hala

JAKARTA, 19 Okt. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Antonio Guterres menzahirkan penghargaan terhadap kepimpinan Republik Indonesia dalam dasar luar serta usaha negara itu mempromosikan keamanan dunia dan membantu rakyat Palestin.

Menurut Sekretariat Kabinet Republik Indonesia, Guterres menyampaikan penghargaan itu ketika mengadakan pertemuan dengan Presiden Prabowo Subianto di kediaman peribadi beliau di Hambalang, Bogor, Jawa Barat pada Ahad.

Dalam satu kenyataan, Sekretariat Presiden memaklumkan bahawa pertemuan itu turut membincangkan isu strategik serta usaha memperkukuh kerjasama antara Republik Indonesia dengan PBB dalam menangani cabaran global menerusi pendekatan pelbagai hala.

"Pertemuan itu merupakan sebahagian daripada usaha memperkukuh dialog dan perkongsian antara Indonesia dengan PBB, di samping menekankan kepentingan kerjasama antarabangsa dalam menggalakkan keamanan, kestabilan serta menyelesaikan pelbagai isu global menerusi pendekatan pelbagai hala," menurut kenyataan itu.

Guterres tiba di Jakarta pada petang Sabtu untuk lawatan rasmi selama tiga hari yang bertujuan memperkukuh kerjasama antara Republik Indonesia dengan PBB.

Lawatan itu turut memberi peluang kepada Guterres untuk mengucapkan selamat tinggal kepada Prabowo menjelang tamat tempoh perkhidmatannya sebagai Setiausaha Agung PBB pada Disember.

Sebagai sebahagian daripada program lawatan rasminya, Guterres dijadual melawat pusat pengaman tentera Republik Indonesia di Bogor dan memberikan penghormatan kepada 50 anggota pengaman Republik Indonesia yang terkorban ketika berkhidmat dalam misi PBB.

Kedua-dua pemimpin sebelum ini mengadakan rundingan dua hala di ibu pejabat PBB di New York pada 22 September 2025, selepas Prabowo menyampaikan ucapan pada persidangan antarabangsa peringkat tinggi mengenai penyelesaian secara aman isu Palestin dan pelaksanaan penyelesaian dua negara. - ©BERNAMA

PM Kanada sahkan 4 maut dalam kebakaran di pangkalan tentera

OTTAWA, 19 Okt. - Perdana Menteri Kanada Mark Carney mengesahkan seramai empat orang maut manakala puluhan yang lain cedera dalam kebakaran besar yang berlaku pada Sabtu di sebuah pangkalan tentera di wilayah Alberta, barat Kanada, lapor Xinhua.

Ketika memberikan perkembangan terkini mengenai kejadian itu di Ottawa, Carney berkata waris terdekat empat anggota tentera yang terkorban telah dimaklumkan.

"Petang semalam, api marak merebak dengan pantas di kawasan pangkalan Angkatan Tentera Kanada di Wainwright," kata Carney pada Ahad.

"Apa yang berlaku selepas itu merupakan antara tragedi terburuk menimpa angkatan tentera di bumi Kanada ketika negara berada dalam keadaan aman".

Carney berkata beliau telah mengarahkan pegawai kanan memberikan taklimat pada petang Ahad bagi mendedahkan butiran lanjut mengenai kejadian itu.

Angkatan Tentera Kanada (CFB) sebelum itu memaklumkan pada Ahad bahawa tiada petunjuk yang mengaitkan insiden itu dengan aktiviti pengganas, penilaian terhadap kesan keseluruhan kebakaran berkenaan masih dijalankan.

Media tempatan sebelum ini melaporkan sekurang-kurangnya tujuh orang maut dan puluhan lagi cedera.

Terletak kira-kira 200 kilometer ke timur Edmonton, CFB Wainwright merupakan antara pangkalan tentera darat paling sibuk di Kanada. Menurut laman sesawang kerajaan Kanada, pangkalan itu menempatkan Canadian Manoeuvre Training Centre dan 3rd Canadian Division Training Centre.

Mejar Jeneral Wade Rutland memberitahu pemberita bahawa anggota tentera sedang menjalani latihan menggunakan peluru hidup pada petang Sabtu, termasuk latihan menggunakan bom tangan, sebagai sebahagian daripada latihan taktikal yang dikenali sebagai "section attack".

Menurut Rutland, angin kencang menyebabkan kebakaran rumput merebak dengan pantas sehingga api menjalar sejauh satu kilometer dalam tempoh kira-kira 30 hingga 60 saat.

Pada masa ini, seramai 39 anggota yang cedera sedang menerima rawatan di hospital, dengan sekurang-kurangnya 19 daripada mereka berada dalam keadaan kritikal.

Beliau berkata satu pasukan tentera khusus telah memeriksa infrastruktur tenaga di kawasan berkenaan dan hasil pemeriksaan awal mendapati tiada kerosakan, namun pemeriksaan lanjut akan dijalankan.

Pegawai tentera itu turut berkata anggota yang terlibat sedang membuat persiapan untuk kemungkinan diatur gerak dalam tempoh beberapa jam ke kawasan berisiko tinggi di seluruh dunia, selain menjalani latihan sebelum penugasan bagi penggiliran pasukan ke Latvia. - ©BERNAMA

Tuntung sungai jantan mati terjerat mata kail di Sungai Kemaman

CHUKAI, 19 Okt. - Seekor tuntung sungai jantan ditemukan mati dipercayai akibat terjerat mata kail di Sungai Kemaman berhampiran Kampung Pasir Gajah, dekat sini, pagi semalam.

Pengasas Bersama dan Pengarah Eksekutif Persatuan Pemuliharaan Tuntung Malaysia (TCS) Dr. Chen Pelf Nyok berkata tuntung seberat 15.8 kilogram dan berukuran 50 sentimeter panjang serta dianggarkan berusia 15 tahun itu ditemukan oleh Geng Tuntung, iaitu sebuah kumpulan komuniti yang terlibat dalam usaha pemuliharaan spesies berkenaan, pada 9.40 pagi.

Beliau berkata kejadian itu merupakan kes kedua kematian tuntung akibat peralatan menangkap ikan yang direkodkan persatuan pada tahun ini selepas kes pertama pada 29 Januari lepas.

"Spesies tuntung sungai mengambil masa kira-kira 20 tahun untuk mencapai tempoh kematangan, justeru kehilangan seekor tuntung dewasa menjejaskan potensi pembiakan dan kelangsungan spesies itu," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Chen berkata usaha pemuliharaan tuntung termasuk melindungi telur dan membesarkan anak tuntung sebelum dilepaskan ke habitat semula jadi kini berdepan dengan ancaman akibat peralatan menangkap ikan yang ditinggalkan di sungai.

Sehubungan dengan itu, beliau berkata TCS menyeru semua pengguna sungai supaya memeriksa peralatan menangkap ikan secara berkala serta membawa keluar dan melupuskan peralatan yang tidak boleh lagi digunakan dengan cara yang betul.

"Sungai bukan sekadar sumber rezeki manusia, tetapi juga habitat hidupan liar. Jangan sampai kelalaian kita meragut nyawa spesies yang sedang kita usahakan untuk selamatkan," katanya. - ©BERNAMA

Pengalaman pembangunan Republik Rakyat China patut dipelajari - Presiden Botswana

BEIJING, 19 Okt. - Botswana wajar mempelajari pengalaman pembangunan Republik Rakyat China dan menggunakannya dalam menggariskan hala tuju pembangunan negara itu pada masa depan.

Presiden Botswana Duma Gideon Boko berkata demikian ketika ditemu bual Kumpulan Media China (CMG) sempena lawatan negaranya ke Republik Rakyat China, baru-baru ini.

"Pendekatan pengindustrian yang diambil Republik Rakyat China telah membolehkan negara itu memanfaatkan sepenuhnya potensi domestik serta memperkukuh keyakinan dirinya. Keyakinan rakyat Republik Rakyat China pula berakar umbi dalam sejarah, tradisi dan budaya mereka.

"Oleh itu, apabila berdepan masalah, Republik Rakyat China tidak akan mencari penyelesaian dari luar, sebaliknya bersatu dan berusaha mencari penyelesaian sendiri.

Boko berkata Botswana amat menghargai semangat itu dan bersedia mencontohi pendekatan pembangunan Republik Rakyat China.

Pada 13 Oktober lepas, pemimpin Republik Rakyat China dan Botswana bersetuju menaik taraf hubungan dua hala kepada perkongsian strategik komprehensif.

Boko berkata peningkatan hubungan itu akan membuka lebih banyak peluang kerjasama antara kedua-dua negara.

Menurut beliau, negara membangun berdepan tekanan yang amat besar ketika dunia dilanda pelbagai pergolakan.

Boko menyatakan bahawa dasar tarif sifar yang dilaksanakan Republik Rakyat China terhadap Afrika bukan sahaja membuka lebih banyak peluang kepada negara di benua itu, malah memperkukuh kepercayaan bersama, sekali gus menjadi tonggak penting kerjasama Selatan-Selatan.

Beliau juga menegaskan bahawa hubungan antara Afrika dan Republik Rakyat China adalah saling menguntungkan.

"Republik Rakyat China memiliki teknologi maju dan keupayaan untuk melabur di Afrika. Pada masa sama, Afrika kaya dengan sumber asli yang perlu diteroka secara teliti sebelum dapat dimanfaatkan dari segi ekonomi.

"Melalui mod kerjasama dengan Republik Rakyat China, Afrika boleh mengimport teknologi dari negara itu dan menyesuaikannya dengan keadaan setempat, sekali gus memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak," katanya. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI

PELITA BRUNEI
SUKAN

ePaper Pelita Brunei

PERTANDINGAN SUKAN MEMANAH GALAK WARGA EMAS KEKAL AKTIF

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Siti Rokiah Abdullah, Ihsan HOHA

LAMBAK KANAN, Selasa, 20 Oktober. - Dalam usaha menggalakkan warga emas agar sentiasa cergas, sihat dan aktif melalui kegiatan sukan, Pertandingan Sukan Memanah bagi Ahli-ahli Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei dan Muara (PKWE DBM) telah diadakan pagi tadi di Dewan Kemasyarakatan Lambak 2, Jalan 77.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pertandingan berkenaan ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Türkiye ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy.

Pertandingan tersebut merupakan aktiviti sukan memanah pertama kali diperkenalkan kepada Ahli-ahli PKWE DBM dan dirancang untuk dilaksanakan secara berterusan. Inisiatif berkenaan bukan sahaja bertujuan menggalakkan warga emas menjalani gaya hidup aktif dan sihat, malah diharap dapat mengeratkan hubungan silaturahim serta memupuk semangat setia kawan dalam kalangan ahli.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat memulakan pertandingan dengan melakukan acara memanah, yang kemudian diikuti oleh Pengurus Pusat Akademi Ar Rafi Archery, Pengiran Haji Ratno bin Pengiran Haji Md. Tahir.

Seramai 20 peserta yang terdiri daripada 10 peserta lelaki dan 10 peserta wanita, kesemuanya Ahli PKWE DBM, menyertai pertandingan berkenaan yang dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Perseorangan Lelaki dan Perseorangan Wanita.

Bagi Kategori Perseorangan Lelaki, Awang Haji Sufian bin Haji Masri muncul juara, manakala tempat kedua disandang oleh Awang Haji Yakub bin Haji Hitam dan tempat ketiga oleh Awang Merzani bin Haji Ramli.

Sementara itu, bagi Kategori Perseorangan Wanita, Dayang Salbiah binti Mohd Salleh muncul juara, diikuti Dayang Hajah Marjani binti Haji Munir di tempat kedua dan Dayang Hajah Subariah binti Haji Ibrahim di tempat ketiga.

Awang Haji Sufian bin Haji Masri turut dinobatkan sebagai Peserta Terbaik Keseluruhan bagi Kategori Lelaki, manakala Dayang Salbiah binti Mohd. Salleh menerima pengiktirafan yang sama bagi Kategori Wanita.



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Republik Türkiye ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy hadir selaku tetamu kehormat serta merasmikan pertandingan berkenaan.

Penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh wakil Presiden Pemanah, Awang Haji Mohammad Yussof bin Haji Abd. Rahman.

Atlet para badminton negara gagal mara ke suku akhir



AWANGKU Muhd. Amirul Faiq bin Pengiran Zali tewas menentang Sivarajan Solaimalai, sekali gus tidak berjaya mara ke suku akhir pada Temasya Sukan Para Asia Ke-5, Aichi-Nagoya, Jepun 2026.

Siaran Akhbar dan Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Para Asia Ke-5, Aichi-Nagoya, Jepun 2026

AICHI-NAGOYA, JEPUN, Isnin, 19 Oktober. - Atlet para badminton negara, Awangku Muhd. Amirul Faiq bin Pengiran Zali, hari ini meneruskan lagi saingan dalam acara badminton Men Singles SH6 dengan menentang pemain dari Republik India, iaitu Sivarajan Solaimalai, bertempat di Court 3, di Ichinomiya Municipal City Gymnasium, pada Temasya Sukan Para Asia Ke-5, Aichi-Nagoya, Jepun 2026.

Pada perlawanan berkenaan, Awangku Muhd. Amirul Faiq terpaksa akur kepada kehebatan Sivarajan Solaimalai dengan keputusan, 0 - 2, iaitu set pertama, 8 - 21; manakala set kedua, 11 - 21, sekali gus tidak berjaya mara ke suku akhir.

Sukan Para Asia Ke-5, Aichi-Nagoya, Jepun 2026 kini berlangsung secara rasmi bermula 18 hingga 24 Oktober ini.

Kejohanan Badminton Irau Tupeh Padey ketengahkan bakat baharu



YANG Dipertua Persatuan Lun Bawang Murut Brunei (PLBMB), dan Timbalan Yang Dipertua PLBMB hadir menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah pada Kejohanan Badminton Irau Tupeh Padey 2026.

Berita dan Foto : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Oktober. - Kejohanan Badminton Irau Tupeh Padey 2026 anjuran Persatuan Lun Bawang Murut Brunei (PLBMB) melabuhkan tirainya malam tadi setelah berlangsung selama tiga hari bermula 16 hingga 18 Oktober 2026 bertempat di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Kejohanan tahunan berkenaan pada kali ini berjaya menarik penyertaan seramai 100 peserta yang bertanding dalam pelbagai kategori yang dipertandingkan.

Hadir bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah kepada para pemenang, Yang Dipertua PLBMB, Leftenan Kolonel (B) Tamin bin Tuah; dan Timbalan Yang Dipertua PLBMB, Dayang Mariam binti Ulat.

Pemenang bagi Kategori Beregu Lelaki Veteran ialah gandingan Lim Chuen Fue dan Lim Sun Hui; manakala bagi Kategori Beregu Wanita Veteran pula dimenangi oleh pasangan Ayesha Apoi dan Nurul Abdullah Balang.

Sementara itu, bagi Kategori Beregu Terbuka Lelaki pula dimenangi oleh Mikal Sungkai dan Yohanes Sumbat; manakala bagi Kategori Beregu Terbuka Wanita pula disandang oleh Maryanne Yangkai dan Christina Angellia Dollah.

Manakala gandingan pasangan Hanieel Razali dan Mohd. Norazri Hamzah pula berjaya memenangi bagi Kategori Terbuka (*Novice*).

Kejohanan Badminton Irau Tupeh Padey 2026 berkenaan bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan dan kerjasama dalam kalangan masyarakat Lun Bawang di negara ini, di samping mengasah potensi dan bakat baharu sukan badminton.